

BAB 4

**ANALISIS RIWAYAT ISRILIYYAT  
DALAM MANUSKRIP HADITH  
DI ALAM MELAYU**

**BAB 4**  
**ANALISIS RIWAYAT ISRILIYYAT DALAM MANUSKRIP**  
**HADITH DI ALAM MELAYU**

**4.1 Sumber Rujukan Menangani Israiliyyat**

Dalam menangani riwayat berunsur Israiliyyat kajian ini merujuk beberapa tulisan atau hasil karya ulama yang telah menggunakan beberapa kaedah untuk mengenali riwayat berunsur Israiliyyat. Antaranya ialah merujuk pendapat Sahabat yang sebenar dan pengkritik muktabar. Mereka adalah golongan yang banyak memberi sumbangan mengenapasti riwayat Israiliyyat. Antara mereka:

- a. Ibn Ḥazm (m. 456 H.), kitabnya *al-Faṣl fī al-Milāl wa al-Ahwā' wa al-Nihāl*.
- b. Ibn Jarīr al-Ṭabarī (m. 310 H.), kitab tafsir dan tarikhnya.
- c. Al-Qādī ‘Iyād, kitabnya *al-Syifā' bi Ta'rīf Huqūq al-Muṣṭafā*.
- d. Ibn Taymiyyah (m. 728 H.), kitab *al-Nubuwwāt, al-Jawāb al-Šāhiḥ liman Badal Dīn al-Masiḥ* serta kitab fatwanya.
- e. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Hidāyah al-Hiyarī fī Ajwibah al-Yahūd wa al-Naṣārā*.
- f. Ibn Kathīr (m. 774 H.), kitabnya *Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīz* dan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*.
- g. Rahmah Allāh al-Hindi, kitabnya *Iżhār al-Haq*.
- h. Ibn al-Jawzī (m. 597 H.), kitabnya bernama *al-Mawdū'āt*.
- i. Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (m. 1332 H.), kitab tafsirnya *Maḥāsin al-Ta'wil*.

- j. Muhammad Sayyid Husayn al-Dhahabi, kitabnya *al-Isra' iIiyāt fī al-Tafsīr wa al-Hadīth* dan *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*.
- k. Muhammad bin Muhammad Abū Syahbah, kitabnya *al-Isra' iIiyāt wa al-Mawdū'āt fī Kutub al-Tafsīr*.
- l. Syeikh 'Abd al-Wahhāb al-Najjār, kitabnya *Qāsaṣ al-Anbiyā'*.
- m. Salāḥ al-Khālidī, *Qāsaṣ al-Sābiqīn fī Al-Qur'ān* dan *al-Isra' iIiyāt al-Mu'āṣarah*.

Selain itu, sumber-sumber Israiliyyat lain yang dapat membantu penyelidik untuk mengenali riwayat berunsur Israiliyyat, antaranya : *Al-Kitab al-Muqaddas*, karangan Ahli Kitab yang telah memeluk agama Islam serta karangan pendeta agama samawi.

#### 4.2 Faktor Israiliyyat Dalam Manuskrip



Melalui fakta sejarah kemasukan Islam di Nusantara, kajian ini mendapati ada beberapa faktor adanya cerita-cerita berunsur Israiliyyat dalam penulisan manuskrip hadith berpunca daripada beberapa sebab, antaranya :

##### a. Kehadiran para dai dan pedagang Arab-Parsi.

Para pendakwah atau pedagang Arab dan Parsi, telah hadir di Nusantara sebelum lahir agama Islam. Mereka mudah bergaul dan diterima oleh masyarakat setempat. Mereka membawa budaya, pegangan dan fahaman dari negara asal mereka termasuk cerita-cerita rakyat dan dongeng ajaran sebelum Islam seperti

ajaran agama Yahudi, Nasrani atau penyembahan berhala. Budaya dan agama serta cara hidup mereka dapat menembusi budaya dan pegangan asal masyarakat Melayu. Sedikit sebanyak ia mempengaruhi masyarakat dan memperkaya khazanah tempatan. Hal ini diakui sendiri oleh Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān bin Syihāb<sup>1</sup> yang menyebut maksudnya:

*Datuk-datuk kami (bangsa Arab) mempunyai kepakaran dan keahlian dalam menetapkan nasab sehingga mereka menjadikan sebuah sejarah yang khusus untuk gelaran-gelaran, demikian juga sejarah yang khusus mengenai ibu-ibu mereka. Mereka tidak mengharapkan pujian untuk karya-karya mereka di negeri-negeri di mana mereka pergi dan menyebarkan dakwah Islam di sana. Kita wajar menyebutnya sekarang kerana orang-orang yang sedar telah mengetahuinya. Sebuah ungkapan menyatakan jika seseorang tidak menghiraukan isyarat burung hantu pada malam hari, nescaya ia akan tidur (tanpa mengetahui bahaya yang mengancam).*

Dari sini menunjukkan kepakaran dan ilmu sebelum Islam yang mereka tahu juga dibawa bersama.

b. Metod dakwah.

Setelah kedatangan Islam, mereka yang sudah ada hubungan dengan masyarakat Melayu akan datang dan menyebarkan dakwah di Nusantara. Antara metod dakwah yang mereka ikut ialah berdasarkan suruhan dalam ayat Al-Qur'an yang membawa maksud dengan hikmat dan nasihat yang baik. Konsep ini

<sup>1</sup>Lothrop Stoddard dan Syakib Arsalan (1973), *Hādir al-'Ālam al-Islāmi*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, j. 3, h. 163; Muhammad Hasan al-Aydrus (1996), *Penyebaran Islam di Asia Tenggara: Asyraf Hadhramaut Dan Peranannya*, terj. Ali Yahya, Jakarta: Lentera, h. 53; Shafie Abu Bakar (1991), "Peranan Ulama Dan Kesannya Terhadap Sikap Antipenjajahan Dengan Rujukan Kepada Pengajaran Tasawwuf Sayid Abdul Rahman Bin Muhammad (Tok Ku Paloh) Berasaskan Karangannya Ma'arif al-Lahfan", dlm. Rahmat Saripan dkk., *Masyarakat Melayu Abad ke 19*, Kuala Lumpur: DBP, h. 187 dan 188.

diterapkan ke dalam metod dakwah mereka dan mereka pula cuba menyesuaikan dengan budaya dan penerimaan masyarakat setempat. Rata-rata budaya masyarakat Melayu yang sukakan cerita-cerita pelik, ajaib dan menghiburkan, menyebabkan para perdakwah ini di samping mengajar agama mereka menyelitkan cerita-cerita yang ada kaitan dengan ajaran atau kitab yang mereka guna untuk menarik minat pendengar. Jika sebelum ini mereka sudah ada maklumat atau bahan cerita daripada agama terdahulu seperti kisah-kisah nabi-nabi dan rasul-rasul serta umat-umat terdahulu, mereka merasakan tidak ada salahnya, sekadar hiburan dan maklumat biasa, mereka akan selitkan dalam pengajaran mereka. Bagi para pendengar yang masih cetek dengan disiplin ilmu Islam akan menerima dan menganggap sebagai antara kandungan agama yang perlu tahu. Lalu ia disampaikan dari satu generasi ke satu generasi tanpa membuat kajian atau tinjauan kebenaran fakta tersebut.

c. **Penyalinan dari sumber-sumber bahasa Arab.**

Manuskrip yang ada di Alam Melayu adalah ditulis oleh mereka yang mendapat pendidikan daripada negara-negara Arab contohnya Mesir, Mekah dan Madinah. Mereka mempunyai pengetahuan yang luas dan memahami teks bahasa Arab dengan baik. Mereka mula membawa balik buku-buku yang berkaitan dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Ada antara buku yang diterjemahkan daripada buku-buku asal yang bermutu dan berkualiti dan ada juga buku-buku yang tidak ditapis cerita-cerita dan maklumat yang terkandung di dalamnya sehingga bercampur aduk antara yang benar dan Israiliyyat. Tanpa disedari

manuskrip ini digunakan sebagai bahan pengajaran mereka apabila mereka telah pulang ke tanah air.

**d. Penumpuan kepada fakta.**

Selain karangan ada juga kitab yang dikumpul dan disusun fakta sahaja oleh pengarang yang diterjemahkan dari kitab asal berbahasa Arab. Kitab yang dihasilkan bukan diterjemahkan semuanya dari kitab asal, ia sebagai ringkasan sahaja dan yang dirasakan perlu oleh penterjemah. Dengan niat ikhlas untuk membantu para pelajar yang inginkan rujukan dan bahan bacaan, mereka melakukan penterjemahan. Namun begitu, mereka tetap menyatakan nama asal sumber terjemahan dan rujukan untuk tindakan mereka yang ingin membuat kajian atau menganalisis.

**e. Salah faham penyalin.**

Kedapatan juga manuskrip yang ditulis berdasarkan ceramah-ceramah di tempat-tempat pengajian dengan mencatat semua inti pati pengajaran tanpa membuat tapisan sehingga ada antara penceramah atau pengajar yang menambah cerita mereka sendiri di dalam pengajaran mereka untuk menarik minat pendengar dan juga pembaca karangan mereka. Cerita-cerita tambahan ini dimasukkan sebagai selingan atau hiburan semata, namun disalahertikan oleh mereka yang mendengar bahawa ia juga adalah fakta agama dan berpegang dengannya dan disampaikan dari satu generasi ke satu generasi, tanpa menyedari ia sekadar rekaan dan tambahan daripada penceramah atau penulis.

#### **4.3 Metodologi Kajian Riwayat Israiliyyat**

Kajian terhadap riwayat berunsur Israiliyyat memerlukan kepada beberapa kaedah sekurang-kurangnya yang boleh digunakan mengikut metodologi pengajian hadith. Ini adalah kerana ia banyak melibatkan *sanad* dan *matan*. Kajian ini juga tidak dapat lari daripada menggunakan kaedah-kaedah tertentu sebagaimana yang telah digariskan oleh *muḥaddithīn*.

Penulis merasakan wajar meletakkan kaedah ini sebagai asas kerana ia adalah panduan yang berguna, walaupun masih tidak menyeluruh dan tidak boleh dikira sebagai *qat'i*. Ini diakui sendiri oleh Ibn Kathir<sup>2</sup> dan al-Dhahabi<sup>3</sup> bahawa penentuan ini masih dalam peringkat banyak kepada *zann*. Justeru, antara kaedah yang digunakan oleh penulis di dalam kajian ini untuk mengenali riwayat berunsur Israiliyyat di dalam manuskrip Hadith Melayu ialah:

##### **4.3.1 Sanad**

*Sanad* adalah rangkaian perawi yang meriwayatkan sesebuah hadith yang disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w., Sahabat, *Tābi'īn* juga *Tābi' al-Tābi'īn*. *Sanad* memainkan peranan penting untuk menentukan kedudukan sesebuah hadith. Penulis mengeluarkan riwayat yang terdapat di dalam manuskrip berdasarkan senarai perawi yang banyak disandarkan riwayat Israiliyyat sebagaimana yang penulis senaraikan kedudukan mereka di dalam Bab 2. Dengan

---

<sup>2</sup> Ibn Kathir (1998), *op.cit.*

<sup>3</sup> Al-Dhahabi (1985), *op.cit.*

berpandukan senarai ini, dapat dikenal pasti sumber riwayat Israiliyyat tersebut berdasarkan ciri-cirinya, antaranya:

- a. Perawi-perawinya adalah mereka yang pernah meriwayatkan cerita daripada Ahli Kitab yang telah memeluk agama Islam terdiri dari kalangan Sahabat, *Tābi'īn* juga *Tābi' al-Tābi'īn*. Antara Sahabat yang pernah meriwayatkan cerita daripada mereka ialah: 'Abd Allāh bin 'Abbās, 'Abd Allāh bin 'Amrū bin al-'Āṣ, Abū Hurayrah serta 'Abd Allāh bin Salām. Ada di kalangan umat Islam, sebelum mereka memeluk Islam, tergolong dari kalangan Ahli Kitab, seperti: 'Abd Allāh bin Salām dan Tamīm al-Dārī. Kalangan *Tābi'īn* pula ialah, antaranya: Ka'ab al-Aḥbār, Wahab bin Munabbih, al-Suddī al-Kabīr, Qatādah dan Ḥasan al-Baṣrī. Manakala kalangan *Tābi' al-Tābi'īn*, antaranya ialah: Ibn Ishāq, Ibn Zayd, Ibn Jurayj, Muqātil bin Sulaymān, Muḥammad bin Marwan al-Suddī dan Muḥammad bin Sa'īd al-Kalbī.
- b. Perawinya disebut di dalam rangkaian *sanad* yang terdiri dari kalangan Ahli Kitab. Ada kalanya disebut Ahli Kitab secara umum dengan panggilan *Ba'd Ahl al-'Ilm*, *Ba'd Ahl al-'Ilm min Bani Isrā'īl*, *Ba'd Ahl al-'Ilm Ahl al-Kitāb al-Awwal*, *Ba'd Ahl al-'Ilm bi al-Kitāb al-Awwal*, *Ba'd Ahl al-'Ilm al-Awwal bi Aḥādīth Ahl al-Kitāb*. Ada juga yang menyatakan nama sebenar Ahli Kitab tersebut secara nyata atau seseorang dari Ahli Kitab dan sebagainya.

- c. Kebanyakan *sanad* riwayat Israiliyyat hanya disandarkan kepada Sahabat, *Tābi'īn* juga *Tābi' al-Tābi'īn*, tidak kepada Rasulullah s. 'a.w.. Walaupun ada dikatakan *marfu'*, namun ia adalah dalam jumlah yang amat sedikit dan kebiasaannya riwayat tersebut tidak *sahīh*.
- d. Kedapatan juga di dalam rangkaian *sanad* disebut bahawa ia diambil daripada sumber Taurat dan Injil. Seperti kata perawinya: *Aku membaca dalam kitab Taurat. Aku menuatkannya daripada sumber Taurat atau Injil* (malah ada yang menyebut Zabur).

#### 4.3.2 *Matan*

Manakala *matan* membawa maksud lafaz-lafaz hadith atau riwayat. Melalui *matan*, dapat diketahui isi kandungan riwayat tersebut serta tujuannya. Hal yang demikian kerana sesebuah riwayat itu dapat dikenali melalui kandungan samada ia selari dengan Al-Qur'an, hadith atau kitab-kitab terdahulu yang telah diubah kandungannya. Untuk memudahkan penulis mengenali riwayat berunsur Israiliyyat di dalam manuskrip, berdasarkan kandungan matan penulis mengkategorikan skop perbincangan popular riwayat Israiliyyat sebagaimana yang telah dinyatakan teori dan contohnya di Bab 2. Antara ciri *matan* riwayat berunsur Israiliyyat:

- a. Menceritakan tentang permulaan kejadian makhluk seperti kejadian langit, bumi, rahsia kehidupan, usia dunia, sebab musabab serta sejarah kejadian makhluk.

- b. Kebanyakan cerita berkaitan kisah para nabi dan umat terdahulu, seperti: Kisah Nabi 'Ādam 'a.s. dan Hawwā', Nabi Nūh 'a.s. dan kaumnya, Nabi Mūsā 'a.s. dan kaumnya, *Aṣḥāb al-Kahf*, *Aṣḥāb al-Jannatayn* dan lainnya.
- c. Riwayat Israiliyat juga menceritakan secara detail apa yang hanya disebut secara umum atau samar di dalam Al-Qur'an, contohnya: Jenis pokok yang dilarang oleh Allah kepada Adam dan Hawa menghampirinya, ukuran kapal Nabi Nūh yang sebenarnya dan sebagainya.
- d. Keterlaluan menyifatkan sesuatu perkara yang disebut di dalam Al-Qur'an. contohnya: kejadian *ṣūr*, Ya'jūj dan Ma'jūj, penyesalan Nabi Dāwūd, kisah lembu yang dikehendaki mencarinya oleh umat Nabi Mūsā 'a.s. dan sebagainya..

.....

- e. Kenyataan yang dibawa oleh riwayat Israiliyat bertentangan dengan Al-Qur'an dan hadith *Sahīh*, seperti: Tentang Nabi Sulaymān 'a.s. yang membenarkan isterinya menyembah berhala di dalam rumah mereka, huruf *qāf* di awal surah *Qāf* itu adalah sebuah bukit, Nabi Khidr bersama-sama Dhū al-Qarnayn mengelilingi dunia dan sebagainya.
- f. Riwayat Israiliyat menceritakan tentang perkara yang boleh menjatuhkan '*ismah* para nabi dan rasul serta memburuk-burukkan malaikat. contohnya: Cerita Nabi Ayyūb yang dijangkiti penyakit kusta, luruh dagingnya dan berbau busuk sehingga dijauhi oleh manusia, para isteri Nabi Sulaymān

yang disetubuhi oleh syaitan yang menyerupai Nabi Sulaymān yang masih dalam keadaan berhaid dan sebagainya.

- g. Adanya pertembungan fakta di antara riwayat Israiliyyat. Contohnya: Antara riwayat Ibn ‘Abbas yang saling bertentangan. Begitu juga mentafsirkan dengan berbagai makna terhadap perkataan *al-Sakinah* dalam kisah Tälüt di dalam Al-Qur'an, setiap riwayat juga tidak benar. Kandungan ceritanya bersalahan dengan fakta sejarah yang sebenar dan bertentangan dengan akal yang waras, seperti: Mentafsirkan makna *al-Sakinah* dalam kisah Tälüt di dalam Al-Qur'an.
- h. Lafaznya lemah dan terdapat kecacatan. Maklumatnya juga agak pelik dan ganjil, contohnya: Bilangan alam, dikatakan 18000 atau 14000 semuanya.
- i. Terdapat keterangan yang mengatakan pendapat dalam riwayat itu adalah pandangan atau kata-kata Ahli Kitab atau disebut ahli Taurat atau Injil atau bersumberkan kitab-kitab agama Yahudi dan Nasrani.
- j. Mentafsirkan perkara *ghaybiyyāt* yang tidak dinyatakan oleh Allah secara jelas. Kebanyakan riwayatnya mentafsirkan keadaan ‘Arasy, syurga, neraka, *sirāt*, *kursiyy*, ruh dan lainnya secara terperinci melebihi daripada yang diceritakan oleh Al-Qur'an dan hadith.

#### 4.4 Analisis Riwayat Berunsur Israiliyyat

Penulis telah memilih 17 buah manuskrip hadith Melayu untuk dianalisis beberapa riwayatnya yang berunsur Israiliyyat. Manuskrip-manuskrip tersebut ialah:

- a. *Akhbār al-'Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471, PMM-PNM<sup>4</sup>.
- b. *Al-Dur al-Basīm Fī Aṣḥāb al-Kahf Wa al-Raqīm*, MS 1668, PMM-PNM<sup>5</sup>.
- c. *Al-Durr al-Thamīn fī Bayān 'Aqā' id al-Mu'minīn*, MSS 2433, PMM-PNM<sup>6</sup>.
- d. *Al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A), PMM-PNM<sup>7</sup>.
- e. *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, MS 288, PMM-PNM<sup>8</sup>.
- f. *Hikayat Nabi Ayub*, MSS 1664, PMM-PNM<sup>9</sup>.

---

<sup>4</sup> Sila rujuk keterangan tentang manuskrip ini dalam bab 3.

<sup>5</sup> Hasil karya Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani. Perbicaraannya mengandungi beberapa topik berkaitan dengan pemuda yang ditidurkan oleh Allah bersama seekor anjing di dalam gua. Berbagai peristiwa dan kisah menarik yang dimuatkan menceritakan kisah mereka. Riwayat yang dibawa adalah untuk mentafsirkan ayat 9-26 surah al-Kahf.

<sup>6</sup> Sila rujuk keterangan tentang manuskrip ini dalam bab 3.

<sup>7</sup> Hasil karya Muhammad Ibn Ismail Daudi al-Patani. Ia memuatkan perbincangan berkisar nur Nabi Muhammad s. 'a.w., kejadian Nabi 'Ādam dan Ḥawwā', tempoh waktu antara 'Ādam dan semua para nabi, kejadian sebelum wujudnya dunia, kejadian tujuh lapisan langit dan bumi, 'Arasy, kursiyy, Luh Mahfuz, Qalam, Baitul Makmur, Sidrah al-Muntaha, Isra' dan Mi'raj dan sebagainya. Manuskrip ini membawa riwayat-riwayat yang menerangkan topik perbincangan tanpa melihat kepada kategori riwayat tersebut.

<sup>8</sup> Ia adalah pengubahsuaian dari cerita lagenda Alexander The Great kepada pahlawan Islam terkenal iaitu Iskandar Zulkarnain yang menganut agama Nabi Ibrahim yang menjelajah seluruh dunia untuk mengembangkan agama Allah serta menakluk. Perbincangan dimulakan dengan kisah Nabi 'Ādam dan nabi-nabi yang lain sehingga salasilah Iskandar Zulkarnain. Ia dikaitkan juga dengan Khidir yang disebutkan di dalam Al-Qur'an bersama Nabi Musa 'a.s. Penulis juga mendapati ada satu lagi salinan manuskrip diberi tajuk Iskandar Dzulkarnaian 1, yang terdapat dalam koleksi naskah Melayu di Museum Pusat, Indonesia yang bernombor MI 679. Penulis berpendapat cerita ini telah terkeluar daripada fakta agama dan sumber muktabar. Manuskrip ini tidak dinyatakan sumbernya, nama pengarangnya juga ceritanya terputus tanpa permulaan dan akhirnya. Penulis mencadangkan kepada seesiapa yang berminat bolehlah meneruskan kajian terhadap sejarah dan isi manuskrip ini kerana ia meragukan dari segi faktanya. *Wallāh A'lām*.

<sup>9</sup> Hasil karya Mustafa Fatani pada hari Selasa bulan Rejab 1301 H. Ia mengisahkan Nabi Ayub 'a.s. bertitik tolak kepada tafsiran kepada ayat 41-44 surah Sād. Ia mengisahkan bagaimana ujian Allah terhadap Baginda dengan ditimpa sejenis penyakit. Penyakit itu diceritakan dengan panjang lebar dan bagaimana Baginda menghadapinya. Kisah penderitaan ini digambarkan dengan gambaran yang menyedih dan dipenuhi dengan sengsara untuk membayangkan penderitaan dan kesabaran Baginda menghadapi ujian Allah.

- g. *Hikayat Nabi Daud*, MSS 1568, PMM-PNM<sup>10</sup>.
- h. *Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247, PMM-PNM<sup>11</sup>.
- i. *Kasyf al-Ghummah*, MS 2223, PMM-PNM<sup>12</sup>.
- j. *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Aḥwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404, PMM-PNM<sup>13</sup>.
- k. *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051, PMM-PNM<sup>14</sup>.
- l. *Kifāyah al-Muhtāj Fi Isrā' wa al-Mi'rāj*, MSS 2413, PMM-PNM<sup>15</sup>.
- m. *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528, PMM-PNM<sup>16</sup>.
- n. *Rangkaian Kisah Nabi-Nabi dan Hukum-Hukum Fiqh*, MS 480, PMM-PNM<sup>17</sup>.
- o. *Sejarah Anbiya'*, MSS 1663, PMM-PNM<sup>18</sup>.

<sup>10</sup> Ia mengisahkan ujian Allah terhadap Nabi Dāwūd yang didatangani oleh dua orang di mihrabnya dengan berbagai takwilan dan pentafsiran terhadap kisah ini. Beliau dikatakan mempunyai 99 orang isteri dan melakukan kesalahan merampas isteri orang sehingga membawa penyesalan dan membawa diri ke Bukit Tūr Sīnā' memohon ampun kepada Allah selama 40 hari 40 malam. Gambaran yang dibawa setengahnya terkeluar dari akal yang waras dan nas sahih.

<sup>11</sup> Kisahnya bermula dari tafsiran ayat 34 surah Sād. Nabi Nabi Sulaymān dikatakan mempunyai cincin hikmat yang mempunyai kuasa yang luar biasa. Ia juga menceritakan tentang ujian Allah ke atas Nabi Sulaymān 'a.s. dengan kehilangan tahta dan akan yang dilahirkan itu cacat. Kisah yang dipaparkan lebih detail daripada yang dipaparkan dalam Al-Qur'an.

<sup>12</sup> Hasil karya Daud bin Abdullah al-Fatani. Ia mengandungi riwayat-riwayat yang membicarakan tentang persediaan seseorang untuk menghadapi kematian. Ia juga menceritakan perjalanan roh setelah berpisah dari badan, untuk menuju ke alam Akhirat dan menghadapi kiamat. Penulisnya juga menjelaskan tentang bekalan yang harus dibawa oleh orang yang mati membolehkan ia terselamat dari siksaan api neraka. Kitab ini adalah terjemahan dari kitab asal karangan 'Abd al-Wahhāb al-Sya'rāni

<sup>13</sup> Sila rujuk keterangan tentang manuskrip ini dalam bab 3.

<sup>14</sup> Ia adalah karangan Nuruddin al-Raniri yang mengisahkan kejadian langit bumi dan peristiwa sebelumnya. Ia menceritakan secara detail unsur-unsur kejadian ini, sehingga ke alam roh. Ia turut menceritakan tentang kejadian manusia pertama dengan panjang lebar berdasarkan riwayat-riwayat.

<sup>15</sup> Hasil karya Daud bin Abdullah al-Fatani. Ia mengandungi riwayat-riwayat yang membicarakan tentang peristiwa Isrā' dan Mi'rāj. Ia adalah terjemahan dari sebuah risalah berbahasa Arab karangan Najm al-Dīn al-Ghayyīr dan memetik sebahagian tafsirannya di dalam karangan Ahmad Syihāb al-Dīn al-Qalyūbī. Penulisnya menyiapkan karyanya pada hari Selasa di Mekah pada 27 Muharram 1224 H.

<sup>16</sup> Ia adalah kitab yang menceritakan tentang sakaratul maut dan bagaimana menghadapinya secara detail. Ia turut membahaskan tentang alam roh yang merangkumi aspek-aspek penting di alam roh seperti kursiyy, 'aras, Ya'jūj Ma'jūj, huru hara dan tanda kiamat, syurga, neraka dan sebagainya.

<sup>17</sup> Satu kumpulan kisah-kisah nabi yang dipetik dari sumber-sumber berbahasa Arab dan disusun di dalam satu naskhah.

<sup>18</sup> Hasil karya Wan Ismail bin Yusuf. Ia menggambarkan kisah para nabi dengan sejarah perjuangan dakwah dan kisah-kisah pelik yang menimpa mereka.

p. *Tanbih al-Għafilin*, MSS 2537, PMM-PNM<sup>19</sup>.

q. *Ward al-Zawāhir*, MSS 2550, PMM-PNM<sup>20</sup>.

Penulis membahagikan riwayat-riwayat yang ditemui kepada 4 skop utama agar lebih tersusun dan sistematik. Ia merangkumi beberapa persoalan yang boleh dikategorikan sebagai: Penciptaan makhluk, kisah para nabi, umat terdahulu serta kiamat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan alam ghaib. Daripada 4 skop ini penulis pecahkan kepada 4-5 isu yang berkaitan. Bidang dan contoh yang dipilih adalah berdasarkan jumlah riwayat yang ditemui dan populariti topik kepada masyarakat Melayu.

Melalui analisis ini, penulis mengemukakan manuskrip terbabit dan memetik beberapa contoh riwayat berkaitan beserta perawinya. Riwayat-riwayat terbabit akan dianalisis menggunakan kaedah ahli hadith dengan membawa perbandingan antara nas Al-Qur'an, hadith, kata-kata ulama muktabar dan logik akal. Penulis akan mengeluarkan natijah bagi setiap perbincangan samada diterima, ditolak atau didiamkan hukumnya.

---

<sup>19</sup> Hasil karya Haji Abdullah Abdul Mubin. Menurut pengarangnya, beliau diminta untuk menghasilkan sebuah risalah yang membicarakan berkenaan ilmu hadith yang sahih menurut mazhab Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah. Justeru penulisnya memetik riwayat-riwayat di dalam bahasa Arab dan menterjemahkannya ke bahasa Melayu. Beliau menamakan karya beliau ini sebagai kitab hadith dan dibahagikan kepada 12 bab, antaranya berkaitan dengan balasan orang yang meninggalkan sembahyang, peminuman arak dan tuak, zina, liwat, pemakan riba, tidak mengeluarkan zakat, membunuh sesama Islam, suami isteri, huru hara kiamat dan syurga serta neraka.

<sup>20</sup> Sila rujuk keterangan tentang manuskrip ini dalam bab 3.

#### **4.4.1 Penciptaan Makhluk**

Antara manuskrip yang ada membicarakan mengenai penciptaan makhluk:

- a. *Akhbār al-Ākhirāh fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471.
- b. *Kasyf al-Ghaybiyyah fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.
- c. *Al-Kawkab al-Durriyyah fī al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A).
- d. *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051.
- e. *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528.

Manuskrip-manuskrip ini didapati menyentuh beberapa persoalan penting yang berkaitan dengan akidah atau alam ghaib. Antaranya membicarakan mengenai hari kiamat, kejadian manusia pertama dan alam ini serta beberapa persoalan alam ghaib. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman dan peringatan kepada masyarakat Melayu serta gambaran sebenar berkenaan dengan persoalan agama yang tidak dapat diketahui oleh pancepat dera makhluk. Topik-topiknya dikupas dengan menggunakan dalil-dalil bersumberkan Al-Qur'an, hadith, khabar, riwayat-riwayat serta kata-kata ulama.

Justeru, antara dalil yang digunakan, ada antaranya riwayat-riwayat yang mempunyai unsur Israiliyyat yang bersumberkan perawi Ahli Kitab, Taurat serta isi kandungannya yang memerlukan satu analisis untuk menentukan kedudukan - riwayat tersebut. Antara topik yang dipilih ialah: Kejadian langit dan bumi, kejadian Nabi 'Ādam 'a.s., kejadian matahari, bulan, bintang serta cakerawala yang menjadi panduan untuk umat manusia. Penulis akan menganalisis isu-isu tersebut sebagaimana berikut:

### i. Bumi, Langit Dan Isinya

Riwayat berunsur Israiliyat yang akan dianalisis ialah dalam manuskrip berikut:

- a. *Al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadī*, MSS 1743 (A).
- b. *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051.

Dalam manuskrip berjudul *Al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadī*, pengarangnya telah membincangkan mengenai kejadian bumi, langit serta isinya. Riwayat yang dimuatkan ada yang bersumberkan Al-Qur'an, hadith, riwayat Sahabat, *Tābi'iñ* dan *Tābi'i al-Tabi'iñ*. Antara perawi terakhir yang disebut di dalam riwayat berkaitan ialah Ka'ab al-Aḥbār, al-Ḍaḥḥāk, Muqātil, Wahab bin Munabbih serta Ibn 'Abbās. Kandungannya berhubung dengan permulaan dan asal usul serta rahsia kejadian langit, bumi, awan serta beberapa burung yang menjadi penghuninya.

.....

Contohnya riwayat Wahab Bin Munabbih yang mengatakan Allah menjadikan selapis bumi, kemudian diceraikan bumi itu menjadi tujuh lapis. Jarak antara lapisan itu memakan masa perjalanan 500 tahun. Nama lapisan bumi pertama ialah *Adīmā*, kedua *Basiṭā*, ketiganya *Thaqīlā*, keempat *Baṭīḥā*, kelima *Hīnā*, keenam *Masīkah* dan lapis yang ketujuh *al-Tharā*. Bumi ini dikatakan berasal dari satu lapisan kemudian dipecahkan menjadi 7 lapisan<sup>21</sup>, yang mana - setiap lapisan bumi ada penghuninya dengan menggambarkan rupa mereka mengikut lapisan<sup>22</sup>.

<sup>21</sup> *al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadī*, MSS 1743 (A).

<sup>22</sup> *al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadī*, MSS 1743 (A).

Manakala di dalam manuskrip berjudul *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, terdapat riwayat yang menyebut bumi ini berada di atas belakang lembu bernama *nūn* atau ikan yang menanggung lembu bernama *nūn*. Riwayat tersebut disandarkan kepada Ibn ‘Abbās, Ka‘ab al-Āḥbār, Wāqidi dan al-Kalbi yang menamakan ikan *nūn* itu dengan berbagai nama yang berbeza-beza<sup>23</sup>.

Contoh lain lagi, kedapatan riwayat yang disandarkan daripada ‘Abd Allāh bin Salām yang mengatakan bumi ditegakkan dengan bukit Qāf yang dibuat daripada zamrud hijau, yang mana belakang bukit Qāf ada 70 bumi daripada kasturi dan berbagai-bagai cerita lagi<sup>24</sup>.

Melalui analisis penulis, didapati riwayat-riwayat yang dinukilkkan berkaitan perkara di atas adalah bercampur antara yang bertepatan dengan nas, contohnya riwayat Ibn ‘Abbās, Wahab bin Munabbih, Ka‘ab al-Āḥbār mengenai kejadian langit dan bumi yang menepati dengan Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s. ‘a.w. dan ada yang bersalahan dengan fakta nas.

Perkara yang menepati nas ialah pendedahan Allah bahawa Dia yang mengadakan ciptaan-ciptaan ini untuk membuktikan kewujudan serta kekuasaan-Nya. Contohnya, Allah menegaskan Dialah yang menjadikan langit dan bumi dalam 6 masa, perselisihan malam dan siang serta cakerawala yang beredar mengikut arahan-Nya, firman-Nya:

<sup>23</sup> Nurudin al-Raniri, *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051, helaian ke 56; *al-Kawkab al-Durriy fi al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A).

<sup>24</sup> *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051, helaian ke 45 dan 46.

إِنَّ رَبَّكُمْ أَللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ أَسْتَوَى عَلَى  
الْعَرْشِ يُغْشِي الْأَيْلَانَ بِطَلَّهُ، حَيْثَا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ مُسْخَرُونَ  
بِأَمْرِهِ

Surah *al-A'rāf* (7):54.

Terjemahan: Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah, yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Ia bersemayam di atas arasy-Nya; Ia melindungi malam dan siang yang mengiringnya dengan deras (silih berganti), dan (Ia pula telah menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya.

Allah juga menerangkan bagaimana Ia menjadikan bumi selama 2 hari (masa) serta keperluannya<sup>25</sup> selama 4 hari, kemudian mengalihkan kehendak-Nya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap dan menjadikan 7 lapisan langit dan lain-lain<sup>26</sup>. Selain itu, Allah juga menerangkan bagaimana Ia menjadikan sungai dan laut serta segala isinya<sup>27</sup>.

Al-Qur'an menceritakan bahawa bumi, langit serta isinya adalah ciptaan Allah sebagai tanda dan bukti kewujudan dan kekuasaan-Nya. Allah juga menyatakan langit dan bumi serta isinya dicipta dalam 6 masa, iaitu 2 masa dijadikan bumi dan 4 masa untuk dijadikan keperluannya, namun bagaimana hakikat masa itu hanya Allah yang mengetahui. Allah berfirman:

\* قُلْ أَيْنُكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِالَّذِي خَلَقَ الْأَرْضَ فِي يَوْمَيْنِ \*

Surah *Fuṣṣilat* (41) : 9.

<sup>25</sup> Iaitu segala rezeki, sekadar keperluan kehidupan juga perkara yang baik bagi makhluk. Muhammad Ahmad Jād al-Mawlā dkk. (1979), *Qisāṣ al-Qur'ān*. Mesir: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 1.

<sup>26</sup> Surah *Fuṣṣilat* (41) : 9-12.

<sup>27</sup> Surah *al-Naml* (27): 61

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya tidaklah patut kamu kufur ingkar kepada Tuhan yang menciptakan bumi dalam dua masa.*

Seterusnya Allah juga menerangkan Ia mencipta bumi dan langit sebanyak 7 lapisan, bertingkat-tingkat<sup>28</sup>, sebagaimana firman Allah:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْهَنٌ

Surah *al-Talāq* (65) : 12.

Terjemahan : *Allah yang menciptakan 7 petala langit dan (Ia menciptakan) bumi seperti itu.*

Al-Qur'an tidak menyebut secara terperinci setiap lapisan itu dengan nama-namanya sekali. Malahan Rasulullah s.'a.w. juga tidak memperincikan sebagaimana diceritakan di dalam riwayat tersebut. Tidak dinafikan, Baginda ada menyatakan tentang 7 lapisan langit di dalam peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj*. Hadith tersebut menerangkan Rasulullah s.'a.w. berjumpa dengan setiap nabi di setiap lapisan sehingga lapisan ke<sup>29</sup>. Rasulullah s.'a.w. juga memberitahu tentang jarak antara langit dan bumi sebagaimana sabdanya:

هَلْ تَدْرُونَ كَمْ يَبْتَكِمُ وَبَيْنَهَا قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَدْ يَبْتَكِمُ وَبَيْنَهَا مَسِيرَةُ  
خَمْسٍ مِائَةٌ سَيِّئَةٌ ثُمَّ قَدْ هَلْ تَدْرُونَ مَا فَوْقَ ذَلِكَ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَدْ  
فَإِنَّ فَوْقَ ذَلِكَ سَمَاءَيْنِ مَا بَيْنَهُمَا مَسِيرَةُ خَمْسٍ مِائَةٌ سَيِّئَةٌ حَتَّى عَدْ سَبْعَ  
سَمَاءَوَاتٍ...<sup>30</sup> لِح

Maksudnya : *Tahukah kamu berapa jarak antara langit dan bumi ? Sahabat menjawab: Allah dan Rasul-Nya sahaja yang*

<sup>28</sup> Surah *Nūh* (71) : 15

<sup>29</sup> Al-Bukhārī, *Kitab al-Manāqib, Bab al-Mi'rāj*, no. hadith 3598; Muslim, *Kitab al-'Imān*, no. hadith 238; Al-Nasā'i, *Kitab al-Ṣalāh, Bab Fard al-Ṣalāh*, no. hadith 444; Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Syāmiyyin, Hadīth Mālik Ibn Ṣa'īdah*, no. hadith 17164.

<sup>30</sup> Al-Tirmidhī, *Kitab Tafsīr Al-Qur'ān, Bab Wa Min Sūrah al-Hadīd*, no. hadith 3220; Ahmad bin Hanbal, *Bāqī Musnad al-Mukthirin, Bāqī al-Musnad al-Sābiq*, no. hadith 8472. Al-Tirmidhī mengatakan hadith ini adalah bertaraf *hasan* dari satu aspek iaitu mempunyai jarak dan *gharib* dari aspek penyataan 500 tahun tersebut. Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1:19.

*mengetahui. Nabi menambah: Antara keduanya jarak masa perjalanan 500 tahun. Nabi bertanya lagi : Tahukah kamu apakah di atasnya. Sahabat menjawab: Allah dan Rasul-Nya sahaja yang mengetahui. Rasulullah s.'a.w. menjawab: Di atasnya ada dua lapisan langit. Jarak masa antara lapisan langit ialah 500 tahun. Rasulullah s.'a.w. membilangnya sehingga langit ke 7 yang mana jarak antara lapisannya masa perjalanan 500 tahun...*

Ibn Kathir juga ada memuatkan riwayat-riwayat mengenai kejadian bumi, langit dan isinya. Antara lain, mengenai 7 lapisan langit dan bumi melalui riwayat ‘Āisyah r.’a., Sa’id, Ibn Mas’ūd dan lainnya. Beliau mengatakan riwayat tentang bumi ini mengandungi 7 lapisan adalah hadith *Mutawātir marfū’*. Beliau juga meriwayatkan hadith tentang adanya jarak antara langit dan bumi serta antara lapisan langit melalui berbagai riwayat, antaranya daripada Qatādah<sup>31</sup>.

Al-Suyū’ī turut membawa berbagai riwayat yang menjelaskan tentang kejadian bumi melalui riwayat daripada Ibn ‘Abbās, Abū Zarr, Qatādah, Ibn Jurayj, Ka’ab al-Aḥbār, ‘Abd Allāh bin Salām dan lainnya<sup>32</sup>. Antaranya, setiap lapisan bumi ada yang dijadikan daripada emas, perak, tembaga, besi dan sebagainya. Beliau juga membawa riwayat mengenai jarak lapisan langit sebagaimana hadith<sup>33</sup>.

Menurut al-Tirmidhī, penentuan secara tepat tempoh selama 500 tahun perjalanan adalah *Għarib*. Hujah al-Tirmidhī bahawa Ayyūb, Yūnus bin ‘Ubayd dan ‘Alī bin Zayd mengatakan al-Hasan tidak mendengar sendiri daripada Abū Hurayrah. Abū Ḥātim ada meriwayatkan hadith yang sama namun tanpa lafaz

<sup>31</sup> *Ibid.*, 1:18.

<sup>32</sup> Al-Suyū’ī (t.t.), *op.cit.*; *Al-Durr*, 6 : 238 dan 239.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 1 : 44.

500 tahun. Ibn Jarīr juga meriwayatkan hadith ini secara *mursal* iaitu setakat Qatādah. Al-Bazzār dan al-Bayhaqī mengatakan riwayat daripada Abū Zarr daripada Rasulullah s. 'a. w. adalah tidak sah *sanadnya*<sup>34</sup>.

4

Penulis berpendapat, dari sudut matannya, riwayat ini wajar ditolak kerana ia bersalah dengan nas dan akal yang waras. Ini adalah kerana Al-Qur'an dan hadith sendiri tidak menyatakan secara tepat mengenainya bahkan hadith yang menceritakan mengenai jarak masa antara lapisan itu dipertikaikan oleh ahli hadith. Apatah lagi perkara yang menjangkau akal yang waras. Dari aspek *matannya*, mustahil Rasulullah s. 'a. w. menuturkan sesuatu yang tidak diterima akal dan tidak berfaedah.

## ii. *Jabal Qāf*

Riwayat berunsur Israiliyyat yang akan dianalisis ialah dalam manuskrip berikut:

- a. *Al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A).
- b. *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051.

Manuskrip hadith Melayu turut juga membicarakan mengenai Jabal *Qāf*. Sebagai contohnya, riwayat daripada Ka'ab al-Aḥbār yang mengatakan di belakang Jabal *Qāf* ada 70000 bumi daripada perak dan sebagainya. Manakala riwayat daripada 'Abd Allāh bin Salām 70 bumi daripada kasturi, 70 bumi

<sup>34</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, h. 19 dan 20; Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 12:146.

daripada kapur dan sebagainya<sup>35</sup>. Berbagai-bagi riwayat jelas menunjukkan sumbernya daripada Ahli Kitab Muslim<sup>36</sup>.

Penulis mendapati riwayat-riwayat yang dikemukakan fakta yang berlainan dalam mentafsirkan tentang huruf *Qāf* ini. *Jabal* adalah perkataan bahasa Arab yang bermaksud gunung atau bukit. Perkataan *jabal* banyak kali disebut di dalam Al-Qur'an, namun tidak satu pun yang membawa maksud Jabal *Qāf*, kecuali tafsiran yang diberikan terhadap ayat 1 surah *Qāf*(50): ﴿وَالْقُرْءَانُ ( الْمَجِيدُ )﴾. Al-Qur'an hanya menyatakan huruf *qāf* di awal surah tanpa tafsirannya, sama seperti huruf-huruf lain di awal surah seperti *Ṣād*, *Tāhā*, *Yāsin* dan lainnya. Hanya Allah yang mengetahui maksud sebenar huruf tersebut.

Riwayat mengenai *Qāf* yang merujuk nama sebuah bukit telah dibawa oleh al-Suyūṭī melalui riwayat Ibn Abū Ḥātim daripada Ibn 'Abbās, katanya: Allah telah menciptakan di sebalik bumi ini laut, dan di sebalik laut adalah Jabal *Qāf*<sup>37</sup>.

Tafsiran ini berbeza dengan tafsiran *mufassirin* lain seperti al-Ṭabarī dan Ibn Kathīr. Al-Ṭabarī membawa riwayat Ibn 'Abbās yang mengatakan *Qāf* yang dimaksudkan itu ialah sumpah. Qatādah mengatakan ia adalah salah satu dari nama-nama Allah<sup>38</sup>.

<sup>35</sup> Nurudin al-Raniri, *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051, helaian ke 45 dan 46.

<sup>36</sup> *Al-Kaw�ab al-Durrīy Fī al-Nūr al-Muhammadī*, MSS 1743 (A).

<sup>37</sup> Al-Suyūṭī (t.t.), *op.cit.*, 6 : 101 dan 102.

<sup>38</sup> Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 11 : 405; Al-Khāzin (1995), *op.cit.*, 4 : 286.

Menurut Ibn Kathir, Mujāhid dan lainnya, *Qāf* ialah satu huruf daripada huruf-huruf *hijā' iyyah* seperti *Ṣād*, *Nūn*, *Alif Lām Mīm* dan lainnya yang terdapat di awal surah. Ibn Kathir ada menyatakan bahawa riwayat mengenai *Qāf* ini yang datang daripada Ibn Abū Ḥātim daripada Ibn ‘Abbās adalah *gharīb*. Rangkaian *sanadnya* ialah daripada Ibn Abū Ḥātim al-Rāzī, daripada ayahnya, daripada Muḥammad bin Ismā‘il al-Makhzūmī, daripada Layth bin Abū Sulaym daripada Mujāhid daripada Ibn ‘Abbās *r. a.* Menurut Ibn Kathir, ini bukan riwayat Ibn ‘Abbās, *atharnya gharīb* dan *sanadnya* tidak benar.

Manakala al-Dhahabī pula mengatakan ia adalah riwayat yang *da’if mawdū’*. Beliau mengatakan persoalan *Qāf* yang ditafsirkan sebagai sebuah gunung serta riwayat-riwayat yang berkaitan mengenainya hanyalah rekaan Bani Israil. Hujah beliau ialah *sanad* mengenai Jabal *Qāf* ini terputus. Sandaran kepada Ibn ‘Abbās dalam riwayat mereka adalah berbeza dengan riwayat Ibn ‘Abbās dalam riwayat yang dikemukakan oleh al-Tabarī dalam tafsirnya<sup>39</sup>.

Malah menurutnya lagi, adalah tidak mustahil mereka mengada-adakan cerita sebegini untuk mengelirukan umat Islam, sedangkan kitab Taurat mereka yang datang daripada Allah mereka telah mengubahnya sehingga hilang keasliannya<sup>40</sup>.

Abū Hayyān mengatakan mana-mana huruf yang disebut di awal surah adalah sekadar nama kepada huruf tersebut yang menunjukkan ayat-ayat Al-

<sup>39</sup> Al-Dhahabī (1985), *op.cit.*, h. 48 dan 49.

<sup>40</sup> Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 4 : 282 dan 283.

Qur'an terbina daripada huruf-huruf *hijā'iyah* ini. Mana-mana tafsiran selain daripada ini dikira tidak benar<sup>41</sup>.

Menurut al-Ālusi,<sup>42</sup> penglihatan kasar pancaindera menunjukkan tidak ada bukit seperti yang didakwa. Berbagai ujikaji telah dilakukan melalui belahan bumi dan laut. Namun bukit yang didakwa itu tidak ditemui. Gempa bumi yang berlaku tidak ada kaitan dengan Jabal *Qāf*. Ia adalah hasil daripada kepanasan perut bumi yang terlalu tinggi dan melonjat keluar ke bumi melalui cairan larvanya. Ibn Qayyim al-Jawziyyah meletakkan riwayat mengenai Jabal *Qaf* sebagai *mawdū'*<sup>43</sup>.

Penulis mendapati ada kalangan pengkaji naskhah Melayu tradisional bercorak Islam menyedari kewujudan cerita Israiliyyat ini di dalam manuskrip Melayu. Mereka juga mengakui sewajarnya fakta agama diperkuuhkan dengan nas yang tepat dan rujukan *mu'tabar*. Justeru, cerita-cerita begini tidak dianggap sebagai fakta sejarah atau agama, tetapi sekadar dongeng atau hikayat yang bertujuan hiburan sebagaimana sastera rakyat yang lain. Bezanya ia dimasukkan dengan unsur-unsur Islam<sup>43</sup>.

Walaupun syarak mengharuskan menerima perkhabaran mereka sebagaimana hadith : (حَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ) , namun ia mempunyai landasan dan syarat, iaitu tidak bertentangan dengan nas dan akal yang waras.

<sup>41</sup> Abū Ḥayyān (t.t.), *op.cit.*

<sup>42</sup> Al-Ālusi (1994), *op.cit.*, 26:120

<sup>43</sup> Harun Mat Piah, Ismail Hamid dkk. (2000), *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, ed. 2. Kuala Lumpur: DBP, h. 379 –380.

Jika tidak, ia wajar ditolak kerana boleh merosakkan akidah dan pegangan masyarakat Islam yang berpegang kepada sumber yang tidak kukuh<sup>44</sup>.

Penulis mendapati Jabal *Qāf* hanyalah cerita rekaan yang dibawa masuk oleh mereka yang kurang teliti pengambilan sumber riwayat. Riwayat yang dikemukakan adalah jauh menyimpang daripada tafsiran sebenar sebagaimana tafsiran al-Tabarī dan Ibn Kathir<sup>45</sup>. Justeru, kisah mengenai Jabal *Qāf* perlu dihindarkan daripada sumber-sumber yang berunsur Islam.

Justeru, penulis menolak maklumat yang berkaitan dengan Jabal *Qāf* yang terdapat dalam mana-mana manuskrip walaupun ia disandarkan kepada riwayat Sahabat atau Rasulullah s. 'a.w. sendiri kerana tidak menepati kaedah penerimaan riwayat dari aspek *sanad* dan *matannya*.

### iii. Usia Dunia

Riwayat berhubung dengan usia dunia dapat dikesan dalam manuskrip Hadith Melayu berjudul *Al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadi*. Antara contoh riwayat yang penulis dapati ialah daripada Balkhī yang diperolehi faktanya daripada kitab karangan Wahab bin Munabbih bahawa Wahab meriwayatkan daripada Abū Hurayrah berhubung dengan usia dunia ini. Menurut riwayat ini, Rasulullah s. 'a.w. memberitahu usia dunia ini 700000 tahun<sup>46</sup>.

<sup>44</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 305.

<sup>45</sup> Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 11 : 405; Al-Khāzin (1995), *op.cit.*, 4 : 286.

<sup>46</sup> *Al-Kawkab al-Durriy fī al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A), PMM-PNM.

Menurut riwayat lain lagi daripada Abū al-Muqawwim al-Anṣārī daripada Ibn Jubayr daripada Ibn ‘Abbās r.‘a. Katanya, bahawa dunia ini satu Jumaat daripada beberapa Jumaat Akhirat. Riwayat lain lagi daripada Ibn Nujayh daripada Mujāhid dan Aబān daripada ‘Ikrimah mentafsirkan firman Allah: (فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةً) ertiannya pada satu hari yang adalah kadar 50 ribu tahun katanya ialah masa dunia daripada awalnya hingga akhirnya. Namun ada riwayat lain lagi yang mengatakan 100,050 tahun<sup>47</sup>.

Penulis mendapati matan riwayat berkaitan usia dunia ini adalah rekaan dan mencanggah dengan nas sahih. Allah tidak menyatakan secara tepat berapakah umur dunia ini dan bilakah akan berakhir, kecuali diberikan gambaran ia akan berakhir dengan beberapa tanda dan dalil agar umat Islam sentiasa berwaspada dan meningkatkan amalan. Ia adalah satu rahsia yang hanya Allah mengetahuinya. Menurut nas *qaṭ'ī*, penentuan hari dan umur dunia yang sebenar dan tepat hanya Allah yang boleh menentukannya. Allah menegaskan sebagaimana firman-Nya:

يَسْتَأْتِيْنَكُمْ عَنْ أَلْكَاعَةٍ أَيَّانَ مُرْسَنَهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّ

Surah *al-A'rāf* (7) : 187.

Terjemahannya: *Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari Kiamat: "Bilikah masanya ?" Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan mengenainya hanyalah ada pada sisi Tuhanmu.*

<sup>47</sup>Balkhī mengatakan bahawa beliau perolehi di dalam kitab riwayat daripada Wahab Ibnu Munabbih daripada Abū Hurayrah r.‘a. katanya: Bahwasanya Nabi s.a.w. ditanya akan dia masa dijadikan dunia sabdanya: *Dikhārkan daku oleh Tuhanku bahwasanya la jadikan dunia masa 700,000 kali tahun hingga sampai ia kepada hari yang ia bangkit akan daku padanya jadi Rasul kepada segala manusia.*

Allah sengaja menyembunyikan usia sebenar atau tarikh berakhir dunia ini dengan beberapa sebab, hanya Dia yang mengetahuinya. Namun kita dapat meninjau secara zahir bahawa Allah menghendaki hamba-Nya agar sentiasa menambahkan amal ibadat dan berusaha gigih dengan mengharapkan balasan dan ganjaran dari Allah. Dunia adalah sebagai medan ujian bagi manusia untuk menunjukkan kekuasaan Allah terhadap makhluk-Nya, sehingga hari ini segala andaian, ramalan dan anggaran, hatta Rasulullah s.'a.w. sendiri tidak mengetahuinya, bilakah umur dunia ini akan berakhir. Firman Allah:

إِنَّ يَوْمَ الْفَحْلِ كَانَ مِيقَاتًا

Surah *al-Naba'* (78) : 17

Terjemahannya: *Sesungguhnya hari pemutusan hukum itu, adalah satu masa yang ditetapkan.*

Rasulullah s.'a.w. sekadar dapat memberitahu umat Islam mengenai tandatandanya secara umum dan simbolik bahawa dunia ini sudah berada di hujungnya, tanpa tarikh yang tepat. Kajian merujuk hadith-hadith Rasulullah s.'a.w. yang *sahīh* menunjukkan tiada riwayat *sahīh* yang menyatakan secara tepat tentang usia sebenar dunia ini. Sedangkan Rasulullah s.'a.w. adalah hamba Allah yang paling dikasihi dan sentiasa berhubung dengan-Nya, apatah lagi makhluk-Nya yang lain<sup>48</sup>. Sudah pasti maklumat yang diperolehi sekadar ramalan atau anggaran atau rekaan yang dibawa masuk oleh musuh Islam.

<sup>48</sup> Ini dijelaskan sendiri oleh Baginda mengenai pertanyaan Jibril tentang Islam, Iman dan Ihsan. Kemudian ditanya tempoh kiamat. Lalu Baginda menjawab bahawa orang yang menyayal lebih mengetahui daripada orang yang disoal. Baginda hanya menyatakan tanda-tanda akan berlaku kiamat. Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 1 : 25 dan 26.

Penulis mendapati riwayat yang dimuatkan dalam manuskrip hadith Melayu berkaitan usia dunia terpengaruh dengan sebuah riwayat yang disandarkan kepada Anas secara *marfu'*, maksudnya: *Usia dunia ialah 7 hari daripada hari Akhirat*. Lalu riwayat itu membawa ayat Allah berfirman, ertinya: *Satu hari di sisi Tuhan kamu seperti 1000 tahun ....* Ini menunjukkan umur dunia ialah 7000 tahun. Ibn Jawzī mengatakan hadith ini adalah satu rekaan terhadap Rasulullah s. 'a.w.. Perawinya iaitu al-'Alā' adalah dituduh dusta. Menurut Abū Ḥātim al-Rāzī dan Abū Dawūd, hadithnya *matrūk*. Ibn Ḥibbān mengatakan sandaran kepada Anas adalah rekaan sahaja, tidak wajar disebut di dalam rangkaian *sanad*<sup>49</sup>.

Merujuk kepada kepelbagaiannya masa dan usia dunia ini dengan riwayat yang banyak serta berbeza-beza, setengahnya disandarkan kepada Sahabat atau *Tābi'īn* dan ada yang disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w. sendiri, menunjukkan pertembungan yang boleh dipertikaikan kesahapannya. Akal yang waras tidak dapat menerimanya. Usia yang dinyatakan sudah melepassi tempohnya. Apatah lagi jika riwayat itu menyatakan secara tepat tahun berakhir dunia. Ketentuan ini adalah bertentangan dengan nas *qat'i*, dan wajar ditolak.

Banyak riwayat mengenai usia dunia disandarkan kepada Ibn 'Abbās r. 'a. Ini tidak dapat dinafikan sebagaimana terdapat dalam kitab-kitab tafsir, hadith, sejarah dan seumpamanya. Al-Suyūtī mengatakan sememangnya riwayat ini adalah *ṣaḥīḥ sanadnya* disandarkan kepada Ibn 'Abbās. Ibn 'Abbās merupakan antara perawi yang mengambil cerita-cerita Israiliyyat daripada Ahli Kitab

<sup>49</sup> Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 2 : 416; Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, *al-Lālī'*, 2 : 443.

Muslim, kerana berpegang dengan dalil keizinan Rasulullah s. 'a.w. mendapatkan maklumat daripada Ahli Kitab Muslim<sup>50</sup>.

Namunpun begitu, sebagai umat Islam, adalah wajar kita melakukan penyelidikan dan kajian dari semasa ke semasa untuk membezakan antara riwayat yang benar dengan yang sebaliknya. Memandangkan Ibn 'Abbās adalah orang yang pakar dan mempunyai ilmu yang tinggi serta mendalam, sudah tentu beliau boleh mengimbangi fakta-fakta yang beliau ambil dan perolehi.

Ibn Kathīr mengatakan penentuan masa dan usia dunia yang sebenar adalah sumber Israiliyyat dan Ahli Kitab. Mereka menentukannya dengan tempoh ratusan dan ribuan tahun. Ibn Kathīr juga mengakui segelintir masyarakat Islam terpengaruh dengan riwayat ini dan menukilkan ke dalam kitab mereka. Beliau menegaskan bahawa sebarang riwayat yang berkaitan dengan penentuan tempoh kiamat atau usia dunia adalah tidak benar, kerana bertentangan dengan nas Al-Qur'an<sup>51</sup>.

Justeru, andainya terdapat dakwaan usia dunia ini terdapat di dalam kitab Taurat, dakwaan ini wajar ditolak. Buktinya, kehadiran Al-Qur'an itu sendiri berfungsi menasakhkan kitab-kitab samawi sebelumnya. Adalah mustahil perkara yang dinyatakan dalam kitab sebelumnya tidak dinyatakan di dalam Al-Qur'an yang lebih lengkap dan menyeluruh untuk semua zaman. Ini jelas dilihat semasa

---

<sup>50</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 289 dan 290.

<sup>51</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, I : 23.

Nabi Mūsā berkomunikasi dengan Allah di bukit Tūr Sīnā' Allah berfirman kepadaanya:

إِنَّ الْسَّاعَةَ إِذِئْنِي أَكُوْلُ أَخْفِيْهَا لِتُجْزَى كُلُّ نَفْسٍ بِمَا تَنْصَعِيْ

Surah Tāhā (20) : 15

Terjemahannya: Sesungguhnya hari Kiamat itu tetap akan datang – yang Aku sengaja sembunyikan masa datangnya – supaya tiap-tiap diri dibalas akan apa yang ia usahakan.

Ini jelas menunjukkan Taurat yang dimaksudkan rujukan mereka yang mengambil riwayat ini adalah Taurat yang telah diubah dan diselewengkan oleh pendeta Yahudi. Mereka sengaja mengada-adakan cerita begini untuk melemahkan umat Islam serta menimbulkan keraguan kepada nas *thābit*. Secara tegasnya kita tidak boleh menerima apa-apa fakta yang terdapat di dalamnya dengan mengenepikan nas asal syarak yang bersifat *qaṭ'i* dan *zanni*.

#### iv. Kejadian Manusia Pertama<sup>52</sup>

Penulis mengambil beberapa contoh riwayat berkaitan dengan kejadian manusia yang pertama dimuatkan yang berunsur Israiliyyat di dalam manuskrip-manuskrip berikut, iaitu:

- a. *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah.*
- b. *Al-Kawkab al-Durriyyah fi al-Nūr al-Muhammadī.*
- c. *Akhbār al-Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah.*

<sup>52</sup> Kisahnya dipaparkan dalam Surah Fuṣṣilat (41) : 9-12; al-A‘rāf (7) : 10-23; Tāhā (20) 114-125; al-Isrā' (17) : 60-64; al-Hijr (15) : 27-43; Shād (38) 71-85; al-Rā‘d (13) : 2.

d. *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib.*

Antara perawi yang disandarkan riwayat-riwayat tersebut ialah Ibn ‘Abbās, Ka‘ab al-Aḥbāf dan Wahab bin Munabbih<sup>53</sup>. Sebagai contohnya, menurut riwayat daripada Ibn ‘Abbās, Nabi ’Ādām ‘a.s. dijadikan daripada campuran semua iklim di dunia dengan menerangkannya satu persatu dengan terperinci<sup>54</sup>.

Manakala menurut riwayat Wahab pula, Nabi ’Ādām ‘a.s. dijadikan daripada campuran ketujuh-tujuh lapisan bumi<sup>55</sup>. Menurut riwayat daripada Ibn ‘Abbās lagi bahawa tulang Nabi ’Ādām ‘a.s. daripada bumi bukit Qāf<sup>56</sup>.

---

<sup>53</sup> Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, *Kasyf al-Ghaybiyyah Fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404; *Al-Kawkab al-Durriy Fi al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A). Kajian ini mendapat pengarangnya memperolehi sumber cerita-cerita ini daripada kitab-kitab seperti: *Daqā’iq al-Akhbār* karangan al-Imam ‘Abd al-Rahim Ibn Ahmad al-Qādī, *al-Dār al-Hisān* karangan al-Suyūtī, *Masyāriq al-Anwār* karangan Syeikh Ḥasan al-‘Adwi, *Mukhtaṣar al-Tadhib* oleh al-Sya’rānī, *Syifā’ al-Ṣudūr* oleh al-Suyūtī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazzālī, kitab *Sawā’iq* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Kitab As’ilah al-Dāwūdī* dan lainnya. *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>54</sup> Nurudin al-Raniri, *Akhbār al-‘Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471; *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528, helaian ke 3 dan 4; Haji Ahmad bin Haji Yusuf bin Abd al-Halim Kelantan (1282 H.), *Dār al-Hisān*, MSS 2584. Manuscrip ini adalah terjemahan daripada kitab berbahasa Arab bernama *Dār al-Hisān*. Beliau diminta oleh Raja Kelantan waktu itu untuk menterjemahkannya ke bahasa Melayu; *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404; *Al-Kawkab al-Durriy fi al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A).

<sup>55</sup> *Akhbār al-‘Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471; *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528, helaian ke 4; *Al-Kawkab al-Durriy fi al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A); *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404. Antara dua kitab ini ada sedikit perbezaan kandungannya walaupun perawinya sama iaitu, pada anggota yang dijadikan untuk langit yang ketiga dan keenam. *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404. Manuscrip *Kasyf al-Ghaybiyyah*, karangan Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani pada tahun 1301 H. Sumber asal kitab ini adalah petikan daripada *Daqā’iq al-Akhbār* karangan al-Imam ‘Abd al-Rahim Ibn Ahmad al-Qādī, *al-Durr al-Hisān* karangan al-Suyūtī, *Masyāriq al-Anwār* karangan Syeikh Hasan al-‘Adwi, *Mukhtaṣar al-Tadhib* oleh al-Sya’rānī, *Syifā’ al-Ṣudūr* oleh al-Suyūtī. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* oleh al-Ghazzālī, kitab *Sawā’iq* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Kitab As’ilah al-Dāwūdī* dan lainnya. Ia adalah kitab jawi yang diterjemahkan daripada bahasa Arab. Ia mengandungi 10 bab yang menyatakan tentang keadaan-keadaan hari kiamat. h. 2,3, dan 150.

<sup>56</sup> *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528, helaian ke 4.

Sebelum penulis mengeluarkan natijah kepada analisis ini, suka penulis paparkan di sini beberapa dalil atau hujah yang berkaitan dengan fakta riwayat di atas. Nabi 'Ādam 'a.s. adalah manusia pertama diciptakan oleh Allah untuk menjadi khalifah di mukâ bumi ini. Allah menyebut di dalam Al-Qur'an bahawa Nabi 'Ādam 'a.s. dijadikan dari tanah liat hitam yang kering dan berbentuk<sup>57</sup>. Sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ خَلِيلَكُمْ بَشَرًا مِنْ صَلْصَلٍ مِنْ حَمَلٍ مَسْتُونٍ ﴿١٥﴾

Surah *al-Hijr* (15) : 28

Terjemahannya: Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya.

Hadith Rasulullah s.'a.w. juga menyatakan perkara yang sama sebagaimana Al-Qur'an, bahawa Nabi 'Ādam 'a.s. dijadikan dari tanah tanpa menyatakan perincian tanah yang dimaksudkan sekadar apa yang termaktub di dalam Al-Qur'an.

Ibn Kathîr ketika membicarakan tentang kejadian Nabi 'Ādam 'a.s., beliau tidak langsung menyentuh mengenai asal usul tanah Allah menjadikan 'Ādam 'a.s.<sup>58</sup>. Begitu juga al-Suyûti dan al-Baghawî, ketika mentafsirkan mengenai tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya sebagaimana yang disebut dalam Al-Qur'an, tidak menyentuh tentang asal-usul tanah tersebut<sup>59</sup>.

<sup>57</sup> Jâd al-Mawlâ dkk. (1979), *op.cit.*, h. 2.

<sup>58</sup> Ibn Kathîr (1992), *op.cit.*, 1 : 69-83.

<sup>59</sup> Al-Suyûti (t.t.), *op.cit.*, *al-Durr*; Al-Baghawî (1993), *op.cit.*, 3:40.

Imam al-Bukhārī ketika membawa riwayat tentang kejadian 'Ādam 'a.s. juga tidak menyatakan tentang asal usul tanah tersebut<sup>60</sup>. Ibn al-Jawzī mengatakan riwayat yang mengatakan Nabi 'Ādam 'a.s. dijadikan dari tanah al-Jābiah dan diuli dengan air dari syūruga adalah tidak *sahīh*. Ini adalah kerana perawinya Ismā'īl bin Rafī' adalah *da'īf* menurut Ahmād dan Yaḥyā. al-Walīd juga seorang yang *mudallis*. Beliau menambah lagi, hadith yang *sahīh* ialah 'Ādam 'a.s. dijadikan dari campuran tanah di bumi, namun tidak menyatakan secara khusus jenis tanah tersebut<sup>61</sup>.

Penulis mendapati matan riwayat yang dikemukakan menunjukkan cerita mengenai asal-usul tanah tidak dari sumber-sumber yang *sahīh*. Walaupun riwayat itu disandarkan kepada Ibn 'Abbās, ia tidak wajar diterima tanpa melakukan analisis kebenaran riwayatnya.

Tidak dinafikan kitab-kitab ini serta sumber rujukannya dikarang oleh ulama muktabar, namun mereka juga tidak terkecuali dari mengambil cerita-cerita Israiliyyat, bahkan perawi juga adalah dari kalangan mereka yang banyak meriwayat dan mengambil maklumat daripada Ahli Kitab Bani Israil. Penulis mendapati sebahagian besar kandungan riwayat mengenai kejadian Nabi 'Ādam 'a.s. adalah bersumberkan kitab karangan ʻal-Qādī dan al-Suyūṭī. Contohnya

<sup>60</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *Khalq 'Ādām*.

<sup>61</sup> Al-Tirmidhī, Kitab *Tafsīr al-Qur'ān*, Bab *Wa Min Sūrah al-Baqarah*, no. hadith 2879; Abū Dāwūd, Kitab *al-Sunnah*, Bab *al-Qadr*, no. hadith 4073; Ahmād bin Hanbal, *Awwal Musnad al-Kūfiyyīn*, Hadith Abū Mūsā al-Asy'arī, no. hadith 18761. Menurut al-Tirmidhī, hadith ini adalah Hasan *Sahīh*.

penulis telah menelaah kandungan kitab *Daqā'iq al-Akhbār fī Dhikr al-Jannah wa al-Nār* juga *al-Dār al-Hisān* karangan al-Suyūtī, banyak persamaannya<sup>62</sup>.

Ternyata Wahab bin Munabbih adalah antara kalangan Ahli Kitab yang telah memeluk agama Islam banyak meriwayatkan cerita-cerita Israiliyyat yang diambil dari kitab Taurat. Cerita-cerita ini wajar diberi perhatian dan diteliti sumber perolehan. Meneliti riwayat-riwayat yang dikemukakan, kajian mendapati tiada nas kukuh yang boleh mendokong cerita ini.

#### 4.4.2 Kisah-Kisah Nabi

Manuskrip yang penulis pilih untuk dianalisis riwayatnya yang berunsur Israiliyyat ialah :

- a. *Akhbār al-'Ākhirah fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471
- b. *Al-Durr al-Thamīn fī Bayān 'Aqā'id al-Mu'minīn*, MSS 2433.
- c. *Hikayat Nabi Ayub*, MSS 1664.
- d. *Hikayat Nabi Daud*, MSS 1568.
- e. *Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247.
- f. *Kasyf al-Ghaybiyyah fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404
- g. *Al-Kawkab al-Durriyyah fī al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A)
- h. *Sejarah Anbiyā'*, MSS 1663.
- i. *Ward al-Zawāhir*, MSS 2550.

<sup>62</sup> Al-Qādī (1302 H), *op.cit.*, h. 3 dan 4.

Manuskrip-manuskrip ini banyak memuatkan kisah para nabi dan rasul terdahulu. Topik-topik ini sering mendapat perhatian baik golongan muda mahupun tua masyarakat Melayu. Bahkan Al-Qur'an juga memuatkan kisah-kisah ini sebagai pengajaran dan pengiktibaran kepada umat Islam. Justeru terdapatlah berbagai riwayat yang mentafsirkan kisah mereka melalui berbagai maklumat, antaranya bersumberkan Israiliyyat. Lantaran jumlah nabi dan rasul yang ramai, penulis memilih 4 orang rasul sahaja sebagai sampel, iaitu: Nabi 'Ādam 'a.s., Nabi Dāwūd 'a.s., Nabi Sulaymān 'a.s., Nabi Ayyūb.

#### i. Nabi 'Ādam 'a.s.

Riwayat Israiliyyat berkaitan dengan kisah Nabi 'Ādam 'a.s. dapat dikesan di dalam manuskrip berikut:

- a. *Akhbār al-'Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah.*
- b. *Ward al-Zawāhir.*
- c. *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah.*
- d. *Al-Kawkab al-Durriyyah fī al-Nūr al-Muhammadī.*

Penulis mendapati terdapat beberapa riwayat yang dinukilkan di dalam manuskrip-manuskrip di atas ada menceritakan mengenai Nabi 'Ādam 'a.s. yang berkaitan dengan jenis pokok yang menjadi larangan Allah kepada Nabi 'Ādam 'a.s. dan Ḥawwā' mendekati dan memakan buahnya<sup>63</sup>.

<sup>63</sup> Cerita mengenai pokok larangan mendapat perhatian kalangan *mufassir*. Sebagai contohnya mereka menukilkan riwayat mengenai jenis pokok yang dilarang ke atas Nabi 'Ādam. Menurut riwayat Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ūd, sebilangan Sahabat, Sa'id Ibn Jubayr, al-Sya'bīy, Ja'dah Ibn

Riwayat-riwayat tersebut menyebut secara terperinci jenis pokok tersebut, antaranya, ia adalah sejenis pokok gandum atau anggur atau Tin dan sebagainya. Terdapat juga riwayat yang menceritakan tempat Nabi 'Ādam 'a.s. dan Hawwā' di jatuhkan ke bumi serta peristiwa-peristiwa berkaitan<sup>64</sup>.

Di dalam naskhah lain lagi ada menceritakan tentang usia Nabi 'Ādam 'a.s., jarak masa antara nabi 'Ādam, Nūh, Ibrāhīm, Dawūd, Mūsā, 'Isa 'a.s. dan Nabi Muhammad s.'a.w. dengan berbagai-bagai riwayat dan hikayat di samping mentafsirkan ayat 38 surah *al-Furqān*, begitu juga tentang keturunan dan hubungan Nabi 'Ādam 'a.s. dan Hawwā' sehingga melahirkan zuriat<sup>65</sup>.

Kajian ini mendapati ada perselisihan bilangan tahun antara Nabi Ibrāhīm dan Nabi Mūsā iaitu 700 dengan 900 tahun. Ibn Qutaybah mengambilnya daripada kandungan kitab Taurat, ayat ke 5, *Ishāh* ke 5 dalam *Sifr al-Takwīn*. Tarikh-tarikh ini adalah menurut beberapa riwayat, namun tarikh ini adalah riwayat Wahab bin Munabbih<sup>66</sup>.

Suka penulis kemukakan di sini contoh nas Al-Qur'an yang banyak menyentuh tentang kisah Nabi 'Ādam 'a.s. dan Hawwā'. Antara ayat yang

---

Hubayrah, Muhammad Ibn Qays, Hasan al-Baṣrī, Wahab Ibn Munabbih, 'Atiyyah al-'Awfā, Abū Mālik, Muhibb Ibn Dathr, 'Abd al-Rahmān Ibn Abū Laylā dan al-Suddī yang mengatakan bahawa golongan Yahudi mengatakan ia adalah pokok gandum. al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 1:52 dan 53; 'Abd al-Rahmān Ibn Muhammad Ibn Makhlūf Abū Zayd al-Thā'ālibī (1997), *Tafsīr al-Thā'ālibī*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1:218.

<sup>64</sup> *Akhbār al-'Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471; Daud Abdullah al-Patani, *Ward al-Zawāhir*, MSS 2550; Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah, MSS 2404.

<sup>65</sup> *Al-Kawkab al-Durriyyah fi al-Nūr al-Muhammadi*, MSS 1743 (A).

<sup>66</sup> Ibn Qutaybah (t.t.), *op.cit.*, h. 56.

menerangkan mengenai mereka ialah tentang larangan Allah kepada mereka agar tidak mendekati pokok yang dilarang di dalam syurga, sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الْشَّجَرَةِ

Surah *al-Baqarah* (2): 35; *al-A'raf* (7) : 18

Terjemahan: *Dan janganlah kamu hampiri pokok ini*

Penulis mendapati ayat tersebut tidak langsung menyentuh mengenai jenis pokok tersebut serta nama-nama tempat mereka diturunkan ke bumi serta mengenai jarak masa antara para nabi.

Bahkan menurut Ibn Kathir, Allah tidak menyatakan secara jelas di dalam Al-Qur'an jenis buah tersebut. Ini dapat difahami bahawa jika menyebutnya membawa faedah, sudah tentu Allah menyebutnya, namun ia dirahsiakan, kerana tidak membawa maslahat kepada hamba-Nya. Begitu juga tentang perkara-perkara lain yang Allah hanya nyatakan secara umum. Ia adalah ayat-ayat *mubhamat* yang hanya Allah yang mengetahui maksudnya<sup>67</sup>.

Al-Alusi juga mempunyai pendapat yang sama. Menurut beliau persoalan buah pokok yang dilarang berbagai-bagai. Namun beliau menegaskan bahawa Allah hanya menyebut pokok sahaja tanpa menentukan buah atau namanya secara *qat'i* atau khusus<sup>68</sup>. Antara lain lagi, ada yang mengatakan ia diceritakan di dalam kitab agama sebelumnya. Dakwaan ini juga tidak boleh diterima secara pasti. Ini adalah kerana kalangan Ahli Kitab juga tidak sependapat tentang perkara

<sup>67</sup> Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, 1:76.

<sup>68</sup> Al-Alusi (1994), *op.cit.*, 1:373.

berkaitan. Tambahan pula jika kitab-kitab itu telah diubah kandungan asalnya yang sukar kita membezakannya. Adalah wajar maklumat sedemikian tidak dijadikan sumber yang kukuh dalam agama.

4

Penulis mendapati riwayat yang mengatakan buah pohon itu lebih manis adalah riwayat Wahab bin Munabbih<sup>69</sup>. Wahab bin Munabbih menjelaskan bahawa buah yang dimakan oleh 'Ādam itu lebih lembut daripada keju, lebih manis daripada madu. Mujāhid, Qatādah, Jurayj dan lainnya meriwayatkan ia adalah buah Tin<sup>70</sup>.

Meneliti rangkaian *sanad* kepada riwayat yang dinukilkan ke dalam manuskrip serta sumber perolehannya menunjukkan sebahagian besarnya adalah kalangan mereka disandarkan riwayat Israiliyyat. Sumber perolehan juga adalah diragukan kerana tidak berdasarkan nas *qat'i*. Justeru, maklumat ini dianggap sebagai riwayat Israiliyyat *maskūt* kerana tiada *nas* yang jelas menerangkannya.

## ii. Nabi Sulaymān 'a.s.

Penulis juga mengesani terdapat sebuah manuskrip yang menceritakan secara khusus mengenai Nabi Sulaymān 'a.s. yang berjudul *Hikayat Nabi Sulaiman*. Manuskrip ini lebih kepada menggambarkan kisah Nabi Sulaymān terutama ketika mentafsirkan ayat di dalam surah *Sād*.

<sup>69</sup> Daud Abdullah al-Patani, *al-Durr al-Thamīn fi Bayān 'Aqā'id al-Mu'minīn*, MSS 2433.

<sup>70</sup> Al-Suyū'ī (t.t.), *op.cit.*, 1: 53; Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 1:34

Penulis mengesani antara riwayat yang dimuatkan ialah mengenai syaitan yang bernama *Sakhr* atau *Mārid* yang telah menyerupai Nabi Sulaymān dan mengambil cincin yang ditanggal oleh Nabi Sulaymān untuk ke tandas daripada Aminah iaitu yang sentiasa menjaga cincinnya ketika Baginda menanggalkan cincinnya<sup>71</sup>.

Menurut riwayat yang dinukilkhan daripada Wahab bin Munabbih pula, syaitan telah menyerupai Nabi Sulaymān dan menduduki takhta serta memerintah dengan tidak mengikut syariat sebenar. Nabi Sulaymān juga dikatakan membenarkan isterinya menyembah berhala di dalam rumahnya<sup>72</sup>.

Diriwayatkan juga, syaitan terkejut dan bertempiaran lari apabila semua ulama pada masa pemerintahan Nabi Sulaymān membacakan kitab Zabūr kepadanya yang mana mereka telah menyedari bahawa yang berada di atas takhta Baginda ialah syaitan yang menyerupai Nabi Sulaymān<sup>73</sup>.

Kisah Nabi Sulaymān ini ada diceritakan di dalam Al-Qur'an dengan panjang lebar, namun tidak menyentuh aspek-aspek yang menjatuhkan '*iṣmah*' Baginda sebagai utusan Allah. Kisahnya bermula dengan firman Allah:

وَلَقَدْ فَتَنَّا سُلَيْمَانَ وَالْقِبِيلَةَ عَلَىٰ كُرُسِيهِ جَسَدًا ثُمَّ أَنَابَ ﴿٣٤﴾  
Surah *Ṣād* (38):34.

<sup>71</sup> *Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247.

<sup>72</sup> *Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247. Terdapat riwayat lain daripada Ibn 'Abbās juga sebahagian ulama yang tidak dinyatakan nama mereka.

<sup>73</sup> *Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247.

Terjemahan : *Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji Nabi Sulaymān (dengan satu kejadian), dan Kami letakkan di atas takhta kebesarannya satu jasad (yang tidak cukup sifatnya); kemudian ia kembali (merayu kepada Kami).*

Kisah yang seberlari ialah Nabi Sulaymān yang merupakan seorang rasul juga pemerintah sebuah negara yang besar dan dikagumi semua. Baginda juga dikurniakan mukjizat boleh bertutur dengan binatang dan memahami bahasa mereka. Sebagai seorang Rasul, Baginda sering diuji oleh Allah untuk meningkatkan keimanannya terhadap Allah. Antara ujian tersebut, termasuklah kehilangan takhta kerajaannya yang besar dan masyhur seluruh dunia buat sementara waktu. Tempat beliau diganti oleh seseorang yang tidak cukup sifatnya.

Menurut riwayat yang sahih, melalui hadith riwayat Abū Hurayrah, Rasulullah s.'a.w. ada menceritakan tentang ujian yang dikenakan ke atas Nabi Sulaymān iaitu, Nabi Sulaymān telah bersumpah akan bersatu dengan semua isterinya supaya setiap isterinya melahirkan anak lelaki yang menjadi pahlawan dan berjuang pada jalan Allah. Namun, Baginda terlupa menyebut ‘*In Syā' Allāh*’ di dalam sumpahnya itu, sekalipun Baginda diingatkan oleh malaikat supaya berbuat demikian. Menurut pendapat lain, Baginda tidak terdengar peringatan itu. Menurut pendapat lain pula mengatakan Baginda terlupa mengatakan ‘*In Syā' Allāh*’ dan ini adalah hikmah di sebalik pelaksanaan perkataan ‘*In Syā' Allāh*’ dengan kehendak dan suruhan Allah<sup>74</sup>.

<sup>74</sup> ‘Iyād Ibn Mūsā al-Yahshubī al-Andalūsī al-Qādī ‘Iyād (1392 H), *al-Syifā*. Damsyik: Maktabah al-Fārābī, 2:380 dan 381.

Setelah Baginda bersatu dengan para isterinya, dengan kuasa dan kehendak Allah, hanya seorang isterinya yang melahirkan seorang anak yang tidak cukup sifatnya<sup>75</sup>. Anak tersebut kemudiannya diletakkan oleh bidan di atas takhtanya, untuk dilihat.<sup>4</sup> Di dalam riwayat tersebut, Nabi Muḥammad s. 'a.w. menyebut, maksudnya: *Demi sesungguhnya, kalaulah kiranya Nabi Sulaymān berkata : 'In Syā' Allāh', tentulah ia memperolehi anak-anak yang dapat berjuang pada jalan Allah*<sup>76</sup>.

Imam al-Suyūṭī mengatakan *sanad* riwayat daripada Ibn 'Abbās adalah kuat<sup>77</sup>, namun, beliau mengakui di dalam kitabnya yang lain tentang riwayat ini, bahawa ia adalah Israiliyat yang dinukil oleh Ibn 'Abbās daripada Ahli Kitab. Ini juga menunjukkan apakah benar al-Suyūṭī yang menukilkan riwayat tersebut. Ia wajar diberi perhatian<sup>78</sup>.

Ibn Kathīr juga membawa riwayat-riwayat yang menceritakan tentang kisah ini. Beliau mengatakan Ibn 'Abbās, Mujaħid, Sa'īd bin Jubayr, al-Hasan, Qatādah dan selain daripada mereka mengatakan bahawa orang yang dimaksudkan di dalam ayat yang menduduki takhta Nabi Sulaymān ialah syaitan<sup>79</sup>.

<sup>75</sup> Menurut pendapat *Aṣhāb al-Ma'ānī* (iaitu mereka yang mentafsirkan hadith dan berpegang kepada maknanya) anak yang dilahirkan itu anak yang sudah mati lalu diletakkan di atas tahtanya. Al-Qādī 'Iyād (1392 H), *op.cit.*, 2:380.

<sup>76</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bab *Qawl Allāh*: (وَهُنَا لَدَوْدُ سَلِيمَانَ نَعَمُ الْمَبْدُ إِنَّهُ...), no. hadith 3171; Muslim, Kitab *al-Aymān*, Bab *al-Istīħnā'*, no. hadith 3126; Al-Nasā'i, Kitab *al-Aymān wa al-Nudhūr*, Bab *Idhā Halaf...*, no. hadith 3771; Ahmad bin Hanbal, *Bāqī Musnad al-Mukthirin*, *Bāqī al-Musnad al-Sābiq*, no. hadith 10175.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 5:310.

<sup>78</sup> Al-Qādī 'Iyād (1392 H), *op.cit.*, 2 : 381.

<sup>79</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 4:45 dan 46.

Namun di akhir riwayat yang dibawa, beliau telah menyatakan secara tegas bahawa semua ini adalah riwayat yang diambil daripada Ahli Kitab. Beliau mengatakan *sanad* daripada Ibn ‘Abbās adalah kuat dan *sahīh* tetapi sebenarnya Ibn ‘Abbās telah mengambil riwayat ini daripada segolongan Ahli Kitab yang tidak mengakui kenabian Nabi Sulaymān<sup>80</sup>.

Al-Qādī ‘Iyād juga sepandapat dengan Ibn Kathīr. Beliau mengatakan riwayat yang mengatakan syaitan telah menyerupai Nabi Sulaymān, menguasai takhtanya adalah tidak *sahīh*, ia adalah nukilan daripada tukang cerita. Ini adalah kerana syaitan tidak boleh menguasai takhta Nabi Sulaymān dan tidak boleh menyerupai para nabi kerana mereka adalah *ma’sūm*<sup>81</sup>.

Ibn Kathīr menambah lagi bahawa apa yang beliau bawa di dalam tafsirannya ialah semata-mata sebagai bahan bacaan untuk dibuat penilaian. Beliau mengategorikan riwayat-riwayat ini sebagai Israiliyyat *mardūd* dan wajar ditolak. *Wallāh A’lam*<sup>82</sup>.

Demikian juga al-Zamakhsyārī yang turut menukilkan riwayat tersebut, namun, kemudiannya menolak riwayat yang mengatakan syaitan menyerupai Nabi Sulaymān kemudian menggauli para isteri Baginda dan menduduki takhta dengan menjalankan hukum yang salah serta Baginda membenarkan patung - disembah oleh isterinya di dalam rumahnya dan lainnya yang bersalah dengan

<sup>80</sup> *Ibid.*, 4:48.

<sup>81</sup> Al-Qādī ‘Iyād (1392 H), *op.cit.*, 2: 380-381.

<sup>82</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2: 26; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, h. 450.

syariat dan kebenaran agama Allah. Ia adalah riwayat Israiliyyat yang cuba menjatuhkan ‘ismah para nabi dan menyelewengkan fakta sebenar<sup>83</sup>.

Rumusannya, riwayat yang mentafsirkan ayat tersebut adalah terkeluar daripada maksud sebenar dan wajar ditolak berdasarkan hadith *sahih* serta pendapat jumhur ulama. Ternyata faktanya bertentangan dengan akal yang waras dan tidak layak bagi seorang nabi yang mulia dan *ma'sūm*. Andainya syaitan dibenarkan menyerupai para nabi, sudah tentu keyakinan manusia akan pudar terhadap para nabi. Apatah lagi jika syaitan itu katakan menjalankan hukum yang menyalahi atau Baginda membenarkan isterinya menyembah berhala di dalam rumah, ini adalah mustahil berlaku kepada nabi.

Kekekalan takhta dan kejatuhan takhta tidak terhenti di atas sebentuk cincin yang mempunyai kuasa yang begitu besar. Ia juga menyalahi perjalanan sejarah yang mana kekuatan dan keteguhan serta keruntuhan sesuatu kerajaan adalah terletak kepada kekuasaan Allah bukan atas sebentuk cincin, tambahan pula cincin yang dicuri dari seorang Rasul.

Suka penulis nyatakan di sini, kedapatan dalam sebahagian manuskrip, pengarangnya mengingatkan adalah wajib masyarakat Islam mentakwilkan mana-mana riwayat atau maklumat yang menunjukkan kelemahan dan kecacatan serta menjatuhkan ‘ismah para nabi dan rasul dengan makna yang lebih layak bagi mereka. Sebagai contohnya, Nabi Ya‘qūb yang dikatakan buta itu sebenarnya

<sup>83</sup> Abū al-Qāsim Maḥmūd Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad Ibn ‘Umar al-Khawarizmī al-Zamakhsyārī (1972), *al-Kasyṣyāf*, c. akhir. Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnānī, 3: 374 dan 375.

maksud asalnya bukan buta sebagaimana buta manusia biasa yang boleh menjelaskan dakwah dan mencacatkannya, tetapi matanya banyak diselaputi air mata. Pengarangnya ada menambah mana-mana maklumat ahli sejarah yang sengaja menyifatkan sedemikian tidak boleh diikuti kerana ia akan merosakkan akidah dan seterusnya agama seseorang<sup>84</sup>.

Berdasarkan hujah dan dalil yang kukuh dan fakta riwayat yang menyalahi nas syarak serta menyifatkan Nabi dengan perkara yang tidak selayaknya bagi seorang rasul, kajian ini menganggap riwayat Israiliyat ini adalah *mardūd*. Riwayat ini wajar ditolak dan diasingkan dengan riwayat *Sahīh* yang lain kerana akan mengelirukan masyarakat Islam di alam Melayu. Bahkan ia akan menggugat akidah dan kepercayaan umat Islam mengenai autoriti manuskrip tersebut.

### iii. Kisah Nabi Dāwūd ‘a.s.

Penulis mendapati ada manuskrip hadith Melayu yang membawa riwayat berkaitan dengan Nabi Dāwūd ‘a.s., antaranya:

- Hikayat Nabi Daud*.
- Sejarah Anbiyā’*.

Penulis mendapati pengarang Manuskrip hadith Melayu ini menukilkan cerita-cerita ini dari beberapa sumber karya berbahasa Arab. Hal ini dapat dilihat melalui persamaan fakta dan olahan yang dikemukakan di dalamnya. Antaranya kisah Nabi Dāwūd ‘a.s. yang diuji oleh Allah ketika sedang beribadat di mihrabnya. Baginda terkejut dengan kedatangan dua orang yang tidak

<sup>84</sup> *Al-Durr al-Thamīn Fī Bayān ‘Aqā’ id al-Mu’mīnīn*, MSS 2433.

dikenalinya telah memasuki mihrabnya tidak melalui pintu masuk. Mereka ingin mengadu kepada Baginda mengenai kambing peliharaan mereka. Setelah Baginda mendengar pengadu pertama yang mempunyai seekor kambing itu, Baginda terus mengatakan pemilik kambing sebanyak 99 ekor adalah zalim tanpa terlebih dahulu mendengar hujah pihak yang satu lagi. Lalu Allah menempelak Nabi Dāwūd ‘a.s. bahawa keadaan pemilik kambing 99 ekor itu samalah dengan keadaannya yang merampas isteri ’Ūriyā yang hanya seorang itu sedangkan Baginda sudah mempunyai 99 orang isteri. ’Ūriyā telah terbunuh di medan perang kerana arahannya agar membawa Tābūt<sup>85</sup>.

Menyedari kesilapannya, Baginda terus menangis dan lari ke bukit Tūr Sinā’, sujud memohon ampun kepada Allah. Baginda dikatakan menangis selama 40 hari 40 malam sehingga tumbuh pohon dan rumput di tempat Baginda sujud kerana banyak air mata. Jibril menyuruh Nabi Dāwūd ‘a.s. pergi ke kubur ’Ūriyā untuk meminta maaf di atas kesilapannya. ’Ūriyā yang berada di dalam kubur mendengar permohonan Baginda tetapi tidak mahu memaafkannya, sehinggalah Allah menjanjikan syurga baginya. Demikianlah antara kisah yang dipaparkan dalam manuskrip mengenai Nabi Dāwūd<sup>86</sup>.

Penulis mendapati huraian mengenai Nabi Dāwūd ‘a.s. ini adalah bertitik tolak dari ayat 21-25 surah *Sād*. Menurut Al-Qur'an, Nabi Dāwūd seorang pemerintah kepada sebuah kerajaan yang besar. Justeru, sebagai seorang yang terlalu sibuk menyebabkan Baginda perlu membahagikan masanya secara khusus

<sup>85</sup> *Hikayat Nabi Daud*, MSS 1568.

<sup>86</sup> *Hikayat Nabi Daud*, MSS 1568, h. 18-19.

untuk negara, rakyat, keluarga juga ibadatnya. Cara Baginda membahagikan masa tersebut ialah dengan memperuntukkan satu hari untuk ibadat, satu hari untuk pemerintahan dan meleraikan pertelingkahan, satu hari untuk diri dan keluarganya, satu hari untuk memberi nasihat dan peringatan kepada Bani Israil.

Pada hari Baginda memperuntukkan harinya untuk beribadat, Baginda telah didatangi secara tiba-tiba oleh dua orang yang sedang bergaduh. Tidak diketahui dari arah mana mereka memasuki tempat ibadatnya. Baginda tersentak dengan kedatangan keduanya itu dan merasa takut kerana menyangka dengan sangkaan yang tidak sepatutnya bagi para nabi dan rasul yang sentiasa bertawakal kepada Allah dan beriman dengan-Nya.

Setelah Baginda menyedarinya tujuan kedatangan mereka, Baginda segera memohon ampun daripada Allah di atas sangkaannya lalu segera sujud kepada Allah untuk memohon ampun dan bertaubat. <sup>وَ</sup>Allah menerima kesilapan yang tidak disengajakan itu.

Penulis mendapat riwayat mengenai Nabi Dāwūd 'a.s. ada yang disandarkan kepada Sahabat, *Tābi'īn* atau *Tābi' al-Tābi'īn*. Namun antara riwayat itu ada yang benar dan tidak kurang juga ada yang tidak benar tanpa berdasarkan sumber yang boleh dipertanggungjawabkan, antaranya bersumberkan maklumat Bani Israil.

Hujah penulis berpendapat demikian kerana terdapat persamaan dengan riwayat yang dinukil oleh Ibn Jarīr, Ibn Abū Ḥātim, al-Baghāwī, al-Suyūṭī dan

lainnya. Sebagai contohnya: Riwayat Ibn ‘Abbās, Mujāhid, Wahab bin Munabbih, Ka’ab al-Aḥbār, al-Suddī dan lainnya telah menyebut kisah Nabi Dāwūd dalam karya mereka yang mempunyai unsur-unsur Israiliyyat dari aspek *sanad* dan *matannya*<sup>87</sup>. \*

Riwayat-riwayat sebegini bukan sekadar *mawqūf* ke atas Sahabat, *Tābi’īn* dan Ahli Kitab Muslim, namun ada yang *marfū’* kepada Rasulullah s. ‘a.w. s. ‘a.w.<sup>88</sup>. Menurut riwayat Wahab bin Munabbih, Nabi Dāwūd menangis selama 30 tahun siang dan malam kerana menyesali kesalahannya selepas diampunkan oleh Allah. Umurnya ketika itu mencapai 77 tahun. Banyak lagi riwayat lain yang menceritakan dengan panjang lebar dan pelik mengenai kisah ini<sup>89</sup>.

Antara perawi kisah ini ialah Ibn Lahi‘ah dan Yazid bin Abān. Mereka adalah sangat *da’if*. Al-Nasā’i dan al-Hākim mengatakan ia seorang yang *matrūk*. Ibn Ḥibbān mengatakan beliau seorang yang kuat ibadat sehingga lupa menghafaz

<sup>87</sup>Sebagai contohnya, Nabi Dāwūd telah mengetahui terlebih dahulu ia akan diuji. Baginda tidak mahu berjumpa sesiapapun pada hari itu dengan meletakkan pengawalnya di muka pintu. Dikatakan sedang Baginda membaca kitab Zaburnya, seekor burung emas datang menghampirinya dan berlegar-legar di antara dua tangannya. Baginda cuba menangkapnya namun burung itu terbang dan hinggap di lubang angin dinding *mihrābnya*. Cerita ini dibawa melalui riwayat Ibn ‘Abbās dan al-Hasan. Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 10:569, 570 dan 572; Al-Suyūti (t.t.), *op.cit.*, 5 : 300-302.

<sup>88</sup>Contohnya, riwayat daripada Ibn Jarir dan Ibn Abū Ḥātim disandarkan kepada Anas r. ‘a. katanya: Aku mendengar Rasulullah bersabda bahawa jika Nabi Dāwūd ‘a.s. melihat seseorang wanita, ia akan mengarahkan ketua perang menyerahkan Tābūt dibawa oleh suami wanita yang diingininya. Apabila pembawa Tābūt itu terkorban, Baginda akan mengahwini wanita itu. Dua malaikat datang menemui Nabi Dāwūd, lalu Baginda sujud selama 40 malam menyesal akan perbuatannya sehingga tumbuh pokok di atas kepalanya kerana air matanya dan dahinya dimakan oleh bumi. Nabi Dāwūd berkata di dalam sujudnya: *Wahai Tuhanmu, Engkau telah menghina Dāwūd serendah-rendah penghinaan sejauh timur dan barat. Wahai Tuhan, jika Engkau tidak mengampuni, Dāwūd akan menjadi lemah, jika Engkau tidak memaafkan dosa-dosanya, ia akan menjadi perburuan orang selepasnya*. Selepas 40 malam, Jibril turun kepada dan berkata kepada danya: *Wahai Dāwūd, Allah telah mengampuni mu*. Demikianlah antara riwayat yang menggambarkan kisah Nabi Dāwūd. Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 10: 574.

<sup>89</sup>Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 4 : 46-50.

hadith. Oleh itu tidak wajar meriwayatkan daripadanya melainkan untuk tujuan menyatakan keajaiban<sup>90</sup>.

Ibn Kathīr ada membuat ulasan mengenai ayat 21-25 ini, mengatakan bahawa riwayat dan kisah, banyak yang dinukilkhan oleh *salaf* dan *khalaq* daripada sumber Israiliyyat, riwayat dusta dan mustahil, bukannya diambil daripada Rasulullah s. 'a.w.. Beliau tidak menukilkan kisah-kisah Israiliyyat tersebut di dalam karyanya kerana sudah memadai dengan kandungan ayat Al-Qur'an yang lebih benar dan tepat. Kisahnya yang sebenarnya secara terperinci hanya Allah yang mengetahuinya<sup>91</sup>. Antara alasannya *sanad* riwayat Ibn Abū Hātim adalah tidak *sahīh*. Ini adalah kerana riwayat Yazīd al-Ruqāṣyī daripada Anas, walaupun beliau seorang yang soleh, namun hadithnya *da'i* menurut jumhur *muhaddithin*<sup>92</sup>.

Al-Qādī 'Iyād mengingatkan agar umat Islam berpaling daripada kisah-kisah yang dibawa oleh tukang cerita Ahli *Kitab* yang menukar dan mengubah cerita asal dan ia dinukil oleh para pentafsir yang menggemari cerita-cerita yang diambil dari sumber Bani Israil. Beliau menambah bahawa cerita Nabi Dāwūd ini tidak diriwayatkan melalui hadith *sahīh* atau khabar, ia hanya terdapat dalam Al-Qur'an<sup>93</sup>.

Al-Khaṭīb al-Syarbīnī dan al-al-Fakhr al-Rāzī telah menolak cerita-cerita ini yang jelas bertentangan dengan nas asal dan menjatuhkan martabat seorang

<sup>90</sup> Al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t.), *op.cit.*, 8:42-43; Al-Suyū'ī (t.t.), *op.cit.*, 5 : 300-301; Ibn Hajar (1909), *op.cit.*, 11 : 309.

<sup>91</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, h. 432; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2 : 13.

<sup>92</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 4: 41; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2 : 14.

<sup>93</sup> Al-Qādī 'Iyād (t.t.), *op.cit.*, 2 : 371.

nabi yang mulia dan sempurna sifat fizikal dan spiritualnya. Mereka memberikan alasan bahawa berusaha membunuh sesama muslim kerana ingin memiliki isteri orang adalah perbuatan yang amat terkutuk. Seorang nabi adalah mustahil melakukan perbuatan ini.<sup>94</sup> Allah telah menerangkan 10 sifat Nabi Dāwūd sebelum membawa kisah ini. Bahkan Allah menerangkan lagi sifat Nabi Dāwūd yang jelas bertentangan dengan riwayat Israiliyyat ini<sup>95</sup>.

Menurut al-Samarqadī pula, perkara yang menyebabkan Baginda meminta ampun daripada Allah itu ialah kerana kata-katanya kepada salah seorang yang bertengkar bahawa ia telah menzalimi kawannya kerana meminta kambing yang seekor itu<sup>96</sup>.

Dalam konteks kesalahan tidak sengaja ini, kebaikan orang-orang yang baik adalah kesalahan *mugarrabūn*<sup>97</sup>. Abū Ḥayyān mengatakan *ma'sūm* bagi para nabi adalah *qaṭ'i*. Menuduh mereka melakukan kesalahan adalah berlawanan dengan tugas dan peranan mereka sebagai utusan Allah dan ini adalah satu kesilapan besar dan wajar dielakkan<sup>98</sup>.

Orang yang bertengkar itu adalah manusia, bukan dua orang malaikat sebagaimana yang disangka. Perkataan '*na'jah*' dalam ayat tersebut adalah kambing bukan wanita sebagaimana yang *dīta'wīlkan*<sup>99</sup>, ia bukan simbolik. -

<sup>94</sup> Al-Fakhr al-Rāzī (t.t.), *op.cit.*, 26:189.

<sup>95</sup> Beliau ialah Abū al-Layth al-Samarqandī. Pengarang masyhur dan banyak menghasilkan karya dalam tafsir, fatwa, *Tanbīh al-Ghāfi'līn* dan *al-Bustān*. Meninggal dunia pada tahun 373 H. Al-Qādī Iyād, *op.cit.*, 2 : 372.

<sup>96</sup> Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 4 : 41.

<sup>97</sup> Abū Ḥayyān (t.t.), *op.cit.*, 7:389.

<sup>98</sup> Ibn Jarīr menukilkan riwayat daripada Wahab Ibnu Munabbih daripada sebahagian ahli ilmu daripada Ibn Ishāq. Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 10 : 567.

Dalam konteks ini kita wajib berpegang dengan yang benar dan zahir nas dan seboleh-bolehnya menghindari membuat kenyataan yang dusta dan menyalahi nas<sup>99</sup>.

4

Malahan terdapat manuskrip yang walaupun ia juga memuatkan banyak riwayat daripada Ahli Kitab seperti Wahab bin Munabbih, Ka'ab dan lainnya, namun terdapat pengarangnya yang menolak beberapa riwayat yang dikira sebagai bersalahan dengan fakta agama dan sumber muktabar. Sebagai contohnya, mengenai kisah Nabi Dāwūd ini yang ditakwilkan kambing dengan wanita, tidak dapat diterima oleh pengarangnya. Pengarangnya menyatakan ia adalah dusta dan dongeng, kerana mustahil seorang yang bertaraf Rasul bersifat dengan sifat mementingkan hawa nafsu. Apatah lagi Nabi Dāwūd seorang raja yang mempunyai kerajaan yang besar. Menurutnya cerita demikian adalah untuk menjatuhkan kesucian para rasul<sup>100</sup>.

.....

Kesimpulannya, penulis menolak riwayat Israiliyat yang bertentangan yang nas dan menunjukkan sifat yang tidak layak dan mustahil bagi seorang nabi. Mereka adalah teladan umatnya zahir dan batin. Jika para nabi bersikap jahat, sudah pasti umatnya mempunyai alasan untuk tidak taat kepadanya dan tidak beriman. Ini menunjukkan sudah menyalahi konsep perutusan rasul. Ujian adalah untuk meninggikan darjat seseorang nabi bukan menjatuhkan maruahnya. Buktiunya, Nabi Dāwūd telah mendapat pengiktirafan darjat yang tinggi di dalam syurga kerana kenabiannya dan pemerintahannya yang sangat adil.

<sup>99</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 269.

<sup>100</sup>Wan Ismail bin Yusuf, *Sejarah Anbiyā'*, MSS 1663.

#### iv. Nabi Ayyūb ‘a.s.

Penulis mengesani sebuah manuskrip Hadith Melayu yang menceritakan kisah Nabi Ayyūb ‘a.s. berjudul *Hikayat Nabi Ayub*. Manuskrip ini membawa kisah-kisah menarik dan digemari oleh masyarakat tempatan. Ia banyak menggambarkan kecekalan dan ketabahan seorang nabi menghadapi ujian Allah.

Sebagai contohnya, Nabi Ayyūb ‘a.s. digambarkan mendapat penyakit yang mengaibkan dan memalukan. Penyakit itu dikatakan kayap yang merebak dari tapak kaki hingga ke kepala. Keluarga, sahabat handai dan orang ramai mlarikan diri dari Baginda kerana jijik dengan penyakit tersebut. Isteri Baginda juga diriwayatkan telah menderhaka dan tidak mahu mendengar nasihat Baginda kerana hasutan iblis<sup>101</sup>.

Sebelum itu dibayangkan Nabi Ayyūb ‘a.s. setelah mendapat tahu segala harta dan kebunnya musnah, Baginda terus mengoyak jubahnya dan dengan tidak berpakaian terus sujud ke bumi kepada Allah dengan mengatakan bahawa dari rahim ibunya Baginda keluar tanpa berpakaian (tiada apa-apa) dan apabila kembali ke hadrat Allah juga nanti tidak berpakaian<sup>102</sup>.

Penulis mendapati kisah yang dimuatkan di dalam manuskrip ini adalah bertitik tolak dari cerita sebenar yang terkandung di dalam Al-Qur'an ayat 41-44 surah *Sād* juga melalui penerangan Nabi Muhammad s. ‘a.w. sendiri bahawa Nabi

<sup>101</sup> *Hikayat Nabi Ayub*, MSS 1664. Manuskrip ini adalah hasil karya Mustafa Fatani pada hari Selasa bulan Rejab 1301 H.

<sup>102</sup> *Ibid.*

Ayyūb 'a.s. diuji oleh Allah dengan penyakit, harta dan keluarga. Namun Baginda seorang yang sabar sehingga kesabarannya dijadikan model kepada manusia yang lain dan contoh kesabaran yang paling unggul. Apa yang penting di sini bahawa Baginda diuji Allah dengan penyakit namun penyakit itu tidak sampai ke tahap mencemarkan *'israh* Baginda seperti yang didakwa. Apabila Allah perintahkan Nabi Ayyūb agar memijak tanah terkeluar mata air dan Baginda mandi dengan air tersebut dan dengan izin Allah penyakit yang dideritai sembah.

Ada riwayat yang mengatakan sekali dipijak keluar mata air panas lalu Baginda mandi dan pijakan kali kedua mengeluarkan mata air sejuk lalu diminum. Namun ia tidak dinyatakan di dalam Al-Qur'an berapa kali Nabi Ayyūb melakukan pijakan ke atas tanah juga tentang keluar mata air tersebut. Kisah Nabi Ayyūb 'a.s. merupakan antara kisah yang popular dan mendapat perhatian ramai perawi. Kisah ini diolah dengan berbagai riwayat terutamanya mengenai ujian Allah dengan sejenis penyakit yang tidak dinyatakan secara jelas di dalam Al-Qur'an. Ujian ini adalah untuk menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah dan meningkatkan darjah Baginda sebagai pesuruh Allah. Allah menggambarkan kisah Nabi Ayyūb 'a.s. pada<sup>103</sup>.

Penulis mendapati, beberapa riwayat di dalam manuskrip hadith Melayu tidak mempunyai persamaan dengan nas asal. Nabi Ayyūb 'a.s. digambarkan dengan gambaran yang mengaibkan dan tidak munasabah sama sekali. Baginda telah dipulau oleh umatnya kecuali isterinya. Digambarkan isterinya hidup dalam

<sup>103</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 275-279.

penderitaan dan kehinaan. Baginda dikatakan terlantar menderita di dalam gereja Bani Israil selama 7 tahun dan beberapa bulan<sup>104</sup>.

Asalnya kisah Nabi Ayyūb yang diriwayatkan oleh Wahab bin Munabbih adalah selari dengan nas akal dan *naqal*, namun sebahagian mereka yang tidak beriman dan melakukan pendustaan terhadap riwayat yang dibawa oleh Wahab bin Munabbih ini dengan menambah fakta yang sedia ada dan mereka-reka cerita yang menjatuhkan *'ismah* para nabi dan rasul.

Penulis mendapati sebahagian besar cerita Nabi Ayyūb diriwayatkan oleh Ahli Kitab yang telah memeluk Islam. Walaupun ada sebahagian *sanad* yang terdiri daripada perawi yang *thiqah*, namun tidak terkecuali juga riwayat yang *sahīh* dan cerita Israiliyyat yang selari dengan nas dan boleh diterima dan merupakan cerita yang sebenar<sup>105</sup>.

Justeru, penulis berpendapat masyarakat Islam atau pengarangnya tidak wajar mencampur aduk riwayat yang sahih dengan sebaliknya kerana ia akan disalah faham sebagai sumber yang sah. Walaupun cerita-cerita demikian bertujuan menunjukkan ketabahan dan kesabaran atau lainnya, namun ia tidak wajar dicampur adukkan bersama, sebagaimana yang dilakukan oleh penganut

<sup>104</sup> Menurut riwayat al-Suddī seluruh daging Nabi Ayyūb 'a.s. luruh dan hanya tinggal tulang dan urat. Menurut riwayat Wahab Ibn Munabbih, Nabi Ayyūb menderita penyakit itu selama 3 tahun. Kisah-kisah Israiliyyat seumpama ini ada diceritakan dalam *Tafsīr al-Tabārī* mentafsirkan ayat 83-84 surah *al-Anbiyā'*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *al-Suyūtī* dalam *al-Durr al-Manthūr* serta lainnya dengan kisah yang panjang lebar dan ajaiib.

<sup>105</sup> Abu Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 275-279.

penderitaan dan kehinaan. Baginda dikatakan terlantar menderita di dalam gereja Bani Israil selama 7 tahun dan beberapa bulan<sup>104</sup>.

Asalnya kisah Nabi Ayyūb yang diriwayatkan oleh Wahab bin Munabbih adalah selari dengan nas akal dan *nagal*, namun sebahagian mereka yang tidak beriman dan melakukan pendustaan terhadap riwayat yang dibawa oleh Wahab bin Munabbih ini dengan menambah fakta yang sedia ada dan mereka-reka cerita yang menjatuhkan *'ismah* para nabi dan rasul.

Penulis mendapati sebahagian besar cerita Nabi Ayyūb diriwayatkan oleh Ahli Kitab yang telah memeluk Islam. Walaupun ada sebahagian *sanad* yang terdiri daripada perawi yang *thiqah*, namun tidak terkecuali juga riwayat yang *sahīh* dan cerita Israiliyyat yang selari dengan nas dan boleh diterima dan merupakan cerita yang sebenar<sup>105</sup>.

104 opsi

Justeru, penulis berpendapat masyarakat Islam atau pengarangnya tidak wajar mencampur aduk riwayat yang sahih dengan sebaliknya kerana ia akan disalah faham sebagai sumber yang sah. Walaupun cerita-cerita demikian bertujuan menunjukkan ketabahan dan kesabaran atau lainnya, namun ia tidak wajar dicampur adukkan bersama, sebagaimana yang dilakukan oleh penganut

---

<sup>104</sup>Menurut riwayat al-Suddī' seluruh daging Nabi Ayyūb 'a.s. luruh dan hanya tinggal tulang dan urat. Menurut riwayat Wahab Ibn Munabbih, Nabi Ayyūb menderita penyakit itu selama 3 tahun. Kisah-kisah Israiliyyat seumpama ini ada diceritakan dalam *Tafsīr al-Tabārī* mentafsirkan ayat 83-84 surah *al-Anbiyā'*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *al-Suyūtī* dalam *al-Durr al-Manthūr* serta lainnya dengan kisah yang panjang lebar dan ajiba.

<sup>105</sup>Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 275-279.

sebelum ini yang telah mencampur adukkan fakta sahih dengan yang sebaliknya sehingga hilang keasliannya.

Justeru, penulis<sup>106</sup> mengambil pendirian menolak sebarang cerita atau riwayat yang bertentangan dan melebihi dari apa yang dijelaskan dalam Al-Qur'an. ia hanyalah rekaan dan dusta. Ia dilakukan oleh pencipta hadith palsu dan menyandarkan riwayat kepada rawi-rawi yang bercampur aduk antara *thiqah* dan *da'if* serta *mawdū'* untuk menguatkan cerita mereka. Ini adalah antara cerita Israiliyyat yang menyalahi fakta nas. Ini adalah perbuatan Bani Israil yang melakukan penyelewengan dan pendustaan terhadap para nabi mereka yang *ma'sum* dan dirahmati Allah<sup>106</sup>.

#### 4.4.3 Umat Terdahulu

Penulis mendapati terdapatnya pengaruh riwayat Israiliyyat di dalam Manuskrip hadith Melayu berkaitan umat terdahulu. Penulis mendapati manuskrip terlibat ialah:

- a. *Al-Dur al-Basīm Fī Aṣḥāb al-Kahf Wa al-Raqīm*, MS 1668.
- b. *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, MS 288.
- c. *Sejarah Anbiya'*, MSS 1663.

Penulis telah memilih beberapa topik sampel antaranya ialah: *Aṣḥāb al-Kahf*, Dhū al-Qarnayn dan Bani Israil, untuk dianalisis riwayatnya.

<sup>106</sup>Muhammad al-Sayyid al-Wakil (1994), Dr., *Nażarāt min Aḥsan al-Qiṣāṣ*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1: 288.

### i. *Aṣḥāb al-Kahf*

Sebagai contohnya, manuskrip berjudul *Al-Dur al-Basīm Fī Aṣḥāb al-Kahf Wa al-Raqīm* ada membawa riwayat berkaitan dengan warna dan nama anjing yang tidur bersama mereka<sup>107</sup>. Ada yang mengatakan warna anjing itu kuning, berbelang seperti harimau, merah dan sebagainya. Diceritakan juga bagaimana Allah membalikkan badan mereka setahun sekali, dua kali setahun dan sebagainya. Pengarang ada menyebut di awal dan akhir riwayat bahawa perawi berselisih pendapat tentang hal tersebut<sup>108</sup>.

Menurut keterangan Al-Qur'an, *Aṣḥāb al-Kahf* merupakan sekumpulan pemuda yang beriman dengan Allah. Mereka telah mengasingkan diri daripada kaum mereka yang kufur ke dalam gua di sebuah bukit. Mereka memohon kepada Allah agar merahmati mereka. Doa mereka dimakbulkan Allah dengan memerintahkan matahari dan bumi tidak merasakan badan mereka walaupun sudah tidur di situ dalam jangka masa 309 tahun.

Mereka juga dipelihara oleh Allah semasa tidur. Mata mereka sentiasa terbuka semasa tidur. Ini adalah untuk mengelakkan orang yang lalu lintas mengesyaki dan akan menyangka mereka tidak tidur. Bersama-sama mereka ada seekor anjing yang juga ditidurkan oleh Allah dalam keadaan dua kaki depannya berdekatan pintu gua<sup>109</sup>.

<sup>107</sup> Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *al-Dur al-Basīm Fī Aṣḥāb al-Kahf Wa al-Raqīm*, MS 1668.

<sup>108</sup> *Al-Dur al-Basīm Fī Aṣḥāb al-Kahf Wa al-Raqīm*, MS 1668.

<sup>109</sup> Sebab turunnya ayat berkenaan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Hisyām dalam *sīrahnya*, kaum Quraisy telah bertanyakan kepada pendeta Yahudi tentang Nabi Muḥammad di

Di dalam kitab-kitab tafsir banyak menghuraikan kisah mereka melalui berbagai riwayat<sup>110</sup>. Sebagai contohnya, di dalam *Tafsīr al-Tabārī*<sup>111</sup> ada menyebut tentang nama-nama pemuda serta anjing mereka. Pengarangnya menukilkan berbagai riwayat yang berselisih tentang tempat gua itu serta bilangan pemuda, kedudukan gua, maksud *al-Raqīm* dan sebagainya. Riwayat yang dibawa mempunyai nama-nama perawi yang boleh dibuat kajian tentang kedudukan fakta yang dibawa.

Al-Baghawī menceritakan di dalam tafsirnya tentang *Aṣḥāb al-Kahf* dengan menukil berbagai riwayat antaranya daripada Ibn ‘Abbās, Ka‘ab al-Aḥbār, Ibn Ishāq, Wahab bin Munabbih dan lainnya<sup>112</sup>.

Manakala di dalam Tafsir Ibn Kathīr<sup>113</sup>, dibawa riwayat-riwayat yang menceritakan tentang maksud *al-Raqīm*, agama pemuda dan nama serta warna anjing mereka secara terperinci. Riwayat tersebut dibawa bersama *sanadnya*, namun Ibn Kathīr membuat ulasan bahawa semua itu tidak wajar dipanjangkan perbincangan kerana ia tidak mendatangkan faedah. ia sekadar kenyataan yang dibuat dalam kesamaran<sup>114</sup>.

---

dalam kitab Taurat mereka. Lalu pendeta Yahudi itu menyuruh mereka mengemukakan tiga soalan kepada Nabi Muhammad untuk membuktikan kenabian Baginda. Soalan-soalan tersebut ialah mengenai hakikat ruh, lelaki yang menjelajahi pelosok bumi dan kaum yang hidup merentasi masa yang lama tetapi tidak mengetahui apa yang telah dilakukannya. Mereka pergi kepada Rasulullah bertanyakan 3 soalan tersebut. Nabi menangguhkannya untuk memberikan jawapannya sehingga berlalu selama 15 malam, lalu Allah menurunkan wahyu dan sekaligus memberikan jawapan kepada persoalan tersebut.

<sup>110</sup> Tafsiran ini adalah berdasarkan ayat 9-26 surah *al-Kahf*.

<sup>111</sup> Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 8:179-212.

<sup>112</sup> Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 3:120-126; Al-Zamakhsharī (1972), *op.cit.*, 2: 473-474.

<sup>113</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 3:100-110.

<sup>114</sup> *Ibid.*, 3:105; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2:116.

Menurut beliau lagi, nama pemuda-pemuda dan anjing mereka itu adalah bersumberkan maklumat Ahli Kitab. Beliau membawa hujah bahawa ayat: ( ﻭ لَا تَسْتَفِتُنَّ أَهْدًا )<sup>115</sup> membawa maksud ia sesuatu yang tidak memberikan banyak faedah. Beliau menambah lagi bahawa ayat: ( وَلَا تَسْتَفِتُنَّ أَهْدًا ) ini menunjukkan Ahli Kitab juga tidak mengetahui tentang perinciannya melainkan rekaan mereka semata-mata. Beliau dapati maklumat yang mereka bawa tidak bersandarkan perawi yang *thiqah* dan diyakini, ia adalah riwayat Israiliyyat yang dibawa oleh Ahli Kitab. Ramai kalangan pentafsir dan ahli sejarah menggunakan riwayat di dalam karya mereka<sup>115</sup>.

Menurut Muḥammad Abū Syahbah, perincian tentang kisah *Aṣḥāb al-Kahf* sebagaimana yang dinyatakan di atas kebiasaan riwayat Ahli Kitab yang memeluk Islam. Justeru, para perawi melihat ia sebagai maklumat yang pelik dan tidak dijelaskan di dalam Al-Qur'an, justeru mereka menukilkannya sebagai pengetahuan tambahan kepada tafsiran sebenar kisah tersebut<sup>116</sup>.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati riwayat yang terdapat di dalam manuskrip Melayu menyamai metod yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir yang membawa riwayat sebagai maklumat. Ia bukan satu manuskrip kajian tentang *sanad* atau *matan*, tetapi menghuraikan ayat-ayat Al-Qur'an agar mudah difahami dan diterima oleh masyarakat Melayu. Hal yang demikian, mereka

<sup>115</sup> *Ibid.*; Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 3: 107.

<sup>116</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 241.

memasukkan cerita-cerita aneh dan menarik agar dapat menarik perhatian masyarakat yang masih baru mengenali Islam.

Mustahak diketahui bahawa perselisihan dan maklumat tentang pekerjaan pemuda tersebut, nama mereka, asal keturunan dan negeri gua serta bukit dan warna anjing serta namanya adalah tidak mendatangkan banyak faedah kepada umat Islam. Lantaran, Al-Qur'an tidak menyebutnya secara jelas perkara-perkara ini.

Apa yang terkandung di dalam Al-Qur'an, itulah yang sebenar kerana ia datang daripada Allah. Riwayat-riwayat yang banyak tentang *Aṣḥāb al-Kahf* adalah sekadar cerita untuk perbandingan umat Islam dan kajian mereka. Maklumat sebenarnya hanya Allah yang mengetahui. Lantaran, kita tidak wajar mengeluarkan kenyataan tentangnya jika kita dalam kesamaran atau tidak mengetahui kebenarannya secara pasti.

## ii. Dhū al-Qarnayn

Setelah penulis meneliti manuskrip Melayu, contohnya yang berjudul *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, kisah Dhū al-Qarnayn telah digambarkan sebagai raja yang menjelajah pelosok dunia dengan ditemani oleh Nabi Khiḍir. Bermula dari sini berlakulah peristiwa aneh dan ajaib serta perkara luar biasa kepada mereka berdua. Antara cerita yang dibawa ialah perjalanan mereka melalui pertemuan dengan raja-raja negeri seperti Kan‘ān, juga nabi-nabi seperti Nabi Dāwūd, Sulaymān dan juga mengenai ayat yang dinyatakan dalam Al-Qur'an (ارم ذات العماد). Cerita itu menggambarkan ia sebagai sebuah taman yang luas di

dalamnya ada pohon kayu yang amat besar, kolam-kolam 4 persegi, anak-anak tangga yang diperbuat daripada emas, perak, mutiara, jawhar, zamrud dan sebagainya dengan gambaran yang penuh keajaiban<sup>117</sup>.

2

Namun apa yang dipaparkan mengenai kisah Dhū al-Qarnayn adalah satu lagenda yang tidak menyamai kisah-kisah lain di dunia ini. Kisahnya mendapat perhatian ramai perawi baik dari kalangan pentafsir atau ahli sejarah serta para Ahli Kitab. Kisah Dhū al-Qarnayn dinukilkan di dalam karya-karya mereka baik dalam bentuk riwayat, penceritaan juga sebagai fakta sejarah.

Di dalam Al-Qur'an surah *al-Kahf* ayat 6-82 telah menjelaskan bahawa Nabi Khiḍir adalah sezaman dengan Nabi Mūsā. Begitu juga hadith yang banyak menceritakan tentang Nabi Khiḍir dengan Nabi Mūsā dalam riwayat al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Ibn Mājah, Aḥmad, al-Hākim dan lainnya.

• ops.

Kisah ini bertitik tolak dari surah *al-Kahf* ayat 83-98, para pentafsir mula merungkaikan kisah Dhū al-Qarnayn ini yang merangkumi riwayat hidupnya, penjelajahannya, peperangannya, hubungannya dengan kisah Ya'jūj dan Ma'jūj dan tembok penjara Ya'jūj dan Ma'jūj yang dibina sehingga hampirnya hari Kiamat. Al-Qur'an tidak banyak menceritakan kisah Dhū al-Qarnayn kecuali ayat -

<sup>117</sup> *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, MS 288. Penulis juga mendapati ada satu lagi salinan manuskrip diberi tajuk Iskandar Dzulkarnaian 1, yang terdapat dalam koleksi naskah Melayu di Museum Pusat, Indonesia yang bernombor MI 679. Penulis berpendapat cerita ini telah terkeluar daripada faktta agama dan sumber muktabar. Manuskrip ini tidak dinyatakan sumbernya, nama pengarangnya juga ceritanya terputus tanpa permulaan dan akhirnya. Penulis mencadangkan kepada sesiapa yang berminat bolehlah meneruskan kajian terhadap sejarah dan isi manuskrip ini kerana ia meragukan dari segi faktanya. *Wallaḥ A'lām*.

tersebut sahaja. Begitu juga hadith *sahīh* tidak menceritakan secara khusus tentang riwayat hidup Dhū al-Qarnayn ini. Lantaran itu, ia membuka ruang untuk riwayat Israiliyyat mengambil tempat mengisi ruang tersebut dengan berbagai-bagai riwayat.

Antara riwayat Israiliyyat yang dinukilkhan berhubung kisah Dhū al-Qarnayn ini ialah mengenai keturunan dan gelarannya. Iaitu beliaulah yang bernama Iskandar (Alexander), berasal dari Rom. Diriwayatkan bahawa Allah telah memerintahkannya untuk menjadi utusannya kepada penduduk bumi termasuk manusia, jin serta Ya'jūj dan Ma'jūj<sup>118</sup>. Diriwayatkan juga beliaulah yang membina bandar Iskandariah dan menyifatkan tembok yang dibina olehnya dengan berbagai saiz, jenis dan rupanya dengan panjang lebar<sup>119</sup>.

Antara mereka yang meriwayatkan kisah Dhū al-Qarnayn ini ialah Wahab bin Munabbih, Ibn Ishāq, Ibn al-Mundhir, ~~Ibn~~ Abū Hatim, al-Syīrāzī, Abū al-Syaykh dan lainnya. Berbagai-bagai pendapat ulama mengenai riwayat mereka antaranya: Ibn Kathīr mengatakan riwayat mengenai Dhū al-Qarnayn yang panjang lebar adalah nukilan daripada maklumat Bani Israil. Riwayat yang dikatakan *marfū'* kepada Rasulullah s. 'a.w. juga tidak benar.

<sup>118</sup> Ibn Jarīr membawa riwayat daripada Wahab Ibn Munabbih dalam 4 halaman dalam tafsirnya. 15:14-18; Al-Suyū'ī (t.t.), *op.cit.*, 4:242-246.

<sup>119</sup> Antara kalangan mereka yang sering menukilkhan kisah Dhū al-Qarnayn ialah Abū Ḥayyān (*al-Bahr al-Muhīt*), al-Qurtubī (*al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*), al-'Ijī (*Jāmi' al-Bayān*), al-Zamakhsharī (*al-Kassiyāf*), al-Nasafī (*Madārik al-Tanzīl*), Sulaymān al-Jamāl dan Ahmad al-Šāwī (*Hāsyiah Tafsīr al-Jalālayn*) dan al-Alūsī (*Rūh al-Ma'āni*). Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 15: 7 dan 8; Al-Suyū'ī (t.t.), *op.cit.*.

Manakala menurut pendapat Abū Syahbah, riwayat daripada Wahab adalah bersumberkan daripada kitab-kitab karangan pendeta Bani Israil. Ia adalah riwayat Israiliyyat dan menambah bahawa Abū Lahi‘ah dalam rangkaian sanadnya adalah *da‘ī*<sup>120</sup>.

Dhū al-Qarnayn merupakan secebis kisah yang digambarkan oleh Al-Qur'an untuk renungan dan iktibar. Tiada sesiapa yang boleh membuktikan siapa sebenarnya Dhū al-Qarnayn sebagaimana yang dimaksudkan dalam Al-Qur'an itu, apatah lagi zaman beliau hidup dengan cerita-cerita yang pelik dan terperinci mengenai pengembaraannya yang jelas bertentangan dengan nas dan sumber muktabar<sup>121</sup>.

Menurut pendapat Ibn Hajar, riwayat yang menentukan zaman hidup Dhū al-Qarnayn adalah tidak dapat diterima. Beliau juga menolak ijтиhad al-Bukhārī<sup>122</sup> yang mengatakan Dhū al-Qarnayn hidup *sezaman* dengan Nabi Ibrāhīm<sup>123</sup>.

Menurut pendapat mereka yang mengkaji tentang kisah Dhū al-Qarnayn, ia adalah cerita yang penuh tanda tanya serta rahsia. Mereka yang menceritakan

<sup>120</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 5: 322; Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 244 dan 245.

<sup>121</sup> Pernah satu ketika seorang pengkaji bernama Muḥammad Khayr Yūsuf bertanyakan pendapat gurunya untuk mengkaji dan menulis tentang Dhū al-Qarnayn. Lalu gurunya mengatakan, tidak perlu dilakukan kajian tersebut. Ini adalah kerana, beliau tidak akan sampai kepada natijah yang sebenarnya. Namun beliau cuba untuk meneruskan niatnya itu dan berjaya menghasilkan sebuah buku yang besar bernama Dhū al-Qarnayn, namun beliau gagal menyatakan siapa sebenar Dhū al-Qarnayn yang menjadi intipati kajiannya. Ini bermakna beliau tidak sampai kepada natijah kajian ilmiah yang sebenar. Justeru, terbukti kisah Dhū al-Qarnayn adalah satu rahsia, teka-teki dan membingungkan. Hanya Allah yang tahu rahsia sebenar di sebalik kisah tersebut.

<sup>122</sup> al-Bukhārī telah mengemukakan riwayat daripada ‘Ubayd Ibn ‘Umār (Tābi‘īn), Ibn ‘Abbās, Ibn Hisyām dan lainnya yang menunjukkan Dhū al-Qarnayn adalah sezaman Nabi Ibrāhīm. Semuanya ditolak oleh Ibn Hajar dengan alasannya.

<sup>123</sup> Ibn Hajar, *op.cit.*, 6 : 382.

semuanya secara terperinci selain yang digambarkan oleh nas dan sumber yang muktabar adalah satu dongeng. Kebanyakan fakta adalah bersumberkan maklumat Bani Israil dan dongengan mereka. Semuanya adalah berbentuk khayalan yang dicipta oleh para pendeta mereka<sup>124</sup>. Riwayat yang tiada nas dan sumber muktabar yang mensabitkannya, dianggap sebagai riwayat Israiliyyat *maskūt*. Jika bertentangan dengan fakta muktabar, ia dianggap Israiliyyat *mardūd*.

Justeru, penulis menolak kandungan manuskrip ini berdasarkan asas penceritaannya yang menyalahi nas Al-Qur'an dan hadith *sahīh*. Kandungannya dianggap sebagai dongeng penglipur lara yang tidak ada kaitan langsung dengan agama, walaupun di dalamnya dikemukakan ayat-ayat Al-Qur'an dan unsur-unsur keagamaan. Ia tidak boleh dianggap sebagai karya bercorak agama. *Wallāh A'lam.*

### iii. Bani Israil

Penulis mendapati antara manuskrip yang membawa kisah Bani Israil ialah *Sejarah Anbiya'*. Kisah yang dimuatkan di dalam manuskrip ialah mengenai sikap dan tindakan Bani Israil yang ditinggalkan oleh Nabi Mūsā selama 40 hari untuk bermunajat kepada Allah. Diriwayatkan juga bagaimana Nabi Mūsā diperintahkan oleh Allah agar berpuasa sebelum berjumpa dengan-Nya. Namun Nabi tidak mematuhi perintah tersebut dan berbuka dengan pucuk kayu untuk menghilangkan bau mulutnya yang busuk kerana berpuasa. Justeru, Allah mengatakan kepada Baginda bahawa bau mulut orang yang berpuasa lebih

<sup>124</sup> Al-Khālidī (1996), *op.cit.*, 6: 254.

wangi daripada bau kasturi. Allah menyuruh Baginda mengqadā' 10 hari yang ditinggalkan, sebab itulah ditambah daripada 30 hari kepada 10 hari lagi sebagaimana dalam surah *al-A'rāf* itu<sup>125</sup>.

4

Ada riwayat yang dinukilkhan menceritakan yang bahagian lembu yang dikehendaki memukulnya oleh Allah. Ada yang mengatakan ia bahagian lidah dan ekor. Sumber ini diperoleh daripada *Tafsir al-Mannār*, karya Muḥammad Rasyīd Riḍā. Dua orang yang dimaksudkan di dalam Al-Qu'rān itu juga ditentukan mereka iaitu 2 anak bapa saudaranya. Riwayat ini diambil daripada sumber Taurat, *Ishāh* ke 21. Terdapat juga riwayat yang menentukan warna dan jenis lembu yang dimaksudkan. Pengarang ada menyatakan sumber rujukan seperti *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tārīkh Ibn al-Athīr* juga *Tafsir al-Alūsī*<sup>126</sup>.

Bani Israil adalah kaum yang terkenal menerima jumlah rasul yang paling ramai namun sering degil dan mengingkari perintah Allah. Justeru, Allah menyebutnya di dalam Al-Qur'an untuk diambil pengajaran dan peringatan kepada kaum-kaum yang lain. Kisah dan peristiwa mereka dapat dilihat dalam surah *al-Baqarah* ayat 67-74, *al-Mā'idah* ayat 20-26, surah *al-A'rāf* ayat 142 dan 143 dan sebagainya.

Antara bencana yang Allah timpa ke atas mereka ialah menyesatkan mereka di Sinā' selama 40 tahun sehingga semuanya musnah, lantaran tidak mahu

<sup>125</sup> Pengarang menyatakan sumber penulisannya ini diambil daripada Taurat, Injil Mathew dan *al-Malik al-Awwal*, *Sifr Samuel II* dan Ahli Kitab. Wan Ismail bin Yusuf (1301 H), *Sejarah Anbiya'*, MSS 1663.

<sup>126</sup> *Sejarah Anbiya'*, MSS 1663.

mematuhi Rasul yang diutus kepada mereka iaitu, Nabi Mūsā. Al-Qur'an juga menggambarkan bagaimana mereka telah membuat patung lembu untuk disembah ketika Nabi Mūsā menemui Allah untuk menerima Taurat.

2

Antara lain lagi mereka telah mempermainkan Nabi Mūsā dengan bertanya jenis lembu yang hendak dicari untuk disembelih dan kemudian dipukul kepada mayat kerana membuktikan siapa pembunuh yang sebenar. Kejadian-kejadian ini diceritakan dalam Al-Qur'an dengan panjang lebar, sebagai pengajaran dan panduan untuk umat manusia.

Justeru, ayat-ayat Al-Qur'an itu mula ditafsirkan oleh para perawi dengan berbagai riwayat untuk menjelaskan cerita tersurat dan tersirat. Antara riwayat itu ada yang disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w., Sahabat, *Tābi'īn* dan juga *Tābi'* *al-Tābi'īn*. Di antara riwayat yang dimuatkan ada yang benar tidak kurang juga kisah-kisah dongeng yang diambil dari sumber Bani Israil atau lainnya. Riwayat Israiliyyat ini ada yang bertaraf *munkar*, khurafat juga dongeng.

Antara riwayat Israiliyyat yang dikemukakan<sup>127</sup>: Menentukan nama bandar yang diarahkan oleh Allah kepada Bani Israil untuk dimasukinya bersama Nabi Mūsā iaitu bandar Arīḥā yang terletak di sebuah gua di tengah Palestin dan ada yang mengatakan ia sebahagian Jordan dan ada yang mengatakan ia Syam<sup>128</sup>. Terdapat juga riwayat yang menetapkan saiz sebenar tubuh kaum *Jabbārīn* dan kisah menarik yang berlaku ketika melihat kaum tersebut.

<sup>127</sup> *Ibid.*, 5 : 201 dan 202; al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 6 : 48 –49; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1 : 277 dan 278.

<sup>128</sup> Al-Khāzin (1995), *op.cit.*, 2 : 27.

Bahkan ada riwayat yang menceritakan mengenai nama wakil yang diutus untuk melihat negeri yang dimaksudkan iaitu ‘Uj bin ‘Unuq salah seorang kaum Nabi Nūḥ namun diafah seorang yang terselamat dari banjir besar kerana badannya yang tinggi dan banjir itu sekadar buku lalinya. Justeru, kajian wajar dilakukan berdasarkan panduan yang dilakukan oleh ulama hadith untuk menentukan kedudukan riwayat tersebut.

Imam Ibn Kathīr menolak cerita Israiliyyat ini dengan alasan ia adalah dongeng golongan Yahudi serta palsu dimana ia bertentangan dengan nas dan akal yang waras. Jika cerita ini benar sudah pasti Allah mengampunkan mereka dan menyelamatkan mereka daripada tersesat selama 40 tahun tetapi Allah memusnahkan mereka kerana keingkaran dan kederhakaan mereka terhadap arahan Nabi Mūsā ‘a.s. Di sini jelas menunjukkan cerita ini tidak boleh diterima akal dan bertentangan dengan nas<sup>129</sup>. Kajian mendapati sumber perolehan riwayat adalah dari kitab-kitab Bani Israil dan diragui kesahihannya. Justeru ia adalah riwayat Israiliyyat yang tidak diketahui kebenarannya kerana tiada dalil yang menyokong riwayat ini. Riwayat ini dikategorikan sebagai *maskūt*.

---

<sup>129</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1 : 278.

#### **4.4.4 Tanda-Tanda Kiamat Dan *Ghaybiyyāt***

Penulis telah melihat memilih beberapa buah manuskrip hadith Melayu yang didapati mempunyai riwayat-riwayat berunsur Israiliyyat berkaitan dengan tanda-tanda kiamat dan *ghaybiyyāt*. Manuskrip-manuskrip terlibat ialah:

- a. *Akhbār al-‘Ākhirah fī Ahwāl al-Qiyāmah.*
- b. *al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīnīn.*
- c. *al-Kawkab al-Durriyy fī al-Nūr al-Muhammadi.*
- d. *Hikayat Iskandar Zulkarnain.*
- e. *Kasyf al-Ghaybiyyah fī Ahwāl al-Qiyāmah.*
- f. *Kasyf al-Ghumma.*
- g. *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard.*
- h. *Kifāyah al-Muhtāj Fī Isrā’ wa al-Mi’rāj.*
- i. *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib.*
- j. *Rangkaian Kisah Nabi-Nabi Dan Hukum-Hukum Fiqh.*
- k. *Tanbīh al-Ghāfilīn.*
- l. *Ward al-Zawāhir.*

Antara tanda kiamat dan *ghaybiyyāt* yang dimuatkan dalam manuskrip tersebut ialah mengenai Dajjāl, Ya’jūj dan Ma’jūj, Dābbah sehingga berakhir tiupan *ṣūr* yang menandakan kiamat sudah dekat dan berlaku. Riwayat-riwayat yang dibawa menggambarkan keadaan alam ghaib seperti ‘Arasy, syurga dan neraka, padang *mahsyar* dan lainnya.

## i. Ya'jūj dan Ma'jūj

Dalam manuskrip hadith Melayu<sup>130</sup>, ada menceritakan tentang asal usul kejadian Ya'jūj dan Ma'jūj iaitu daripada percampuran ulat dari sebuah bukit dengan air mani cucu Nabi Nūḥ 'a.s' atau menurut riwayat lain daripada Ḥasan al-Basrī, ia dari keturunan anak Nabi Nūḥ 'a.s'.<sup>131</sup> Tembok yang dibina dikatakan diperbuat daripada timah, kayu arang dan batu dengan ketinggian 200 hasta dan ketebalan 50 hasta serta dikelilingi oleh api.<sup>132</sup>

Antara lain lagi yang bersumberkan *Tafsīr al-Khāzin*<sup>133</sup>, riwayat mengatakan 3 golongan Ya'jūj dan Ma'jūj seperti pokok padi<sup>134</sup>. Antara lain lagi sumber *Kanz al-Asrār* adalah rujukannya. Membayangkan rupa Ya'jūj dan Ma'jūj mempunyai 2 mata di kepala dan 2 mata di dada, ada yang berbulu, ada yang hanya mempunyai satu kaki berjalan dengan melompat, ada yang hanya makan daging dan darah manusia dan sebagainya<sup>135</sup>. Menurut riwayat lain pula mengatakan Ya'jūj dan Ma'jūj berada di sebelah pihak negeri Rom<sup>136</sup>.

Ya'jūj dan Ma'jūj memakan segala binatang dan bangkai manusia, menjelajah segala pelosok negeri hingga Syam, Khurasan, sampai sungai Buhayrah Tabariyyah. Meminum semua air laut dan sungai hingga kering<sup>137</sup>.

<sup>130</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>131</sup> *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghair*, MSS 2528, helaian ke 30 dan 31; *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051, helaian ke 64; *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404; *Akhbār al-Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471.

<sup>132</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>133</sup> *Al-Khāzin* (1995), *op.cit.*, 3:177.

<sup>134</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>135</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>136</sup> *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghair*, MSS 2528, helaian ke 30.

<sup>137</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

Wahab bin Munabbih mengatakan bahawa segala bumi itu dipenuhi dengan Ya'jūj dan Ma'jūj<sup>138</sup>.

Menurut riwayat Ibn 'Abbās, Allah akan membinasakan umat ini dengan memasukkan sejenis ulat atau nyamuk ke dalam telinga mereka dan bumi dipenuhi dengan bangkai mereka lalu Allah menurunkan hujan selama 40 hari membersihkan bangkai mereka dan memenuhi kembali laut dan sungai<sup>139</sup>.

Kisah tentang Ya'jūj dan Ma'jūj telah disebut sebanyak dua kali di dalam Al-Qur'an, iaitu di dalam surah *al-Kahf* dan *al-Anbiyā'*. Firman Allah:

قَالُوا يَهْدَا الْقَرْنَتِينِ إِنَّ يَأْخُوْجَ وَمَنَاجُوْجَ مُفْسِدُوْنَ فِي الْأَرْضِ فَهُلْ نَجْعَلُ لَكُمْ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْتَنَا وَبَيْتَهُمْ سَدًا ﴿١٨﴾

Surah *al-Kahf* (18) : 94

Terjemahan: Mereka berkata: "Wahai Dhū al-Qarnayn! Sesungguhnya kaum Ya'jūj dan Ma'jūj sentiasa melakukan kerosakan di bumi; oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami) dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka ? "

Ayat-ayat dalam surah *al-Kahf* menggambarkan Ya'jūj dan Ma'jūj yang merupakan satu kaum yang mendiami di antara dua buah bukit, percakapannya tidak difahami oleh manusia semasa lampau pada zaman Dhū al-Qarnayn. Kaum ini sentiasa melakukan kerosakan di muka bumi dan manusia. Lantaran itu, Dhū

<sup>138</sup> Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib, MSS 2528, helaian ke 30; Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah, MSS 2404.

<sup>139</sup> Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah, MSS 2404; Akhbār al-'Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah, MSS 2471.

al-Qarnayn membuat tembok kukuh menutupi kedua-dua bukit itu yang diperbuat daripada ketul-ketul besi bercampur tembaga cair sehingga mereka tidak dapat keluar daripada tembok itu atau merobohkannya sehingga waktu yang Allah telah tetapkan nanti. Tiada seseorang dapat mengetahui tempoh tersebut<sup>140</sup>. Allah berfirman lagi :

حَتَّىٰ إِذَا فُيَحْتَ يَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ وَهُمْ مِن كُلِّ حَدَبٍ يَنْسِلُونَ ﴿٢١﴾  
Surah al-Anbiyā' (21) : 96

Terjemahan : (*Demikian keadaan mereka) hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Ya'jūj dan Ma'jūj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi.*

Manakala ayat dalam surah *al-Anbiyā'* menceritakan Ya'jūj dan Ma'jūj pada masa akan datang keluar daripada tembok mereka pada waktu hampir akan berlaku Kiamat. Ini bermakna tahanan mereka masih ada hingga hari ini.

Rasulullah s. a. w. juga ada menceritakan tentang kaum Ya'jūj dan Ma'jūj ini antaranya hadith riwayat Zaynab bint Jahsy r. 'a., katanya:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَيْقَظَ مِنْ نَوْمِهِ وَهُوَ يَقُولُ لِأَلَّا اللَّهُ إِلَّا هُوَ  
لِلْعَرَبِ مِنْ شَرِّ قَدِ افْتَرَبَ فُتْحَ الْيَوْمِ مِنْ رَدَمٍ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ مِثْلُ هَنَّيَ وَعَقَدَ  
سُقِيَّانُ بَيْلِي عَشَرَةً قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْهِلْكُ وَفِينَا الصَّالِحُونَ قَلَّ نَعْمَ إِذَا كَثُرَ  
الْجَبَّثُ.<sup>141</sup>

<sup>140</sup> Surah al-Kahf (18) : 93-98; Surah al-Anbiyā' (21) : 96.

<sup>141</sup> Al-Bukhārī, Kitab *al-Fitan*, Bab *Ya'jūj Wa Ma'jūj*, no. hadith 6602; Muslim, Kitab *al-Fitan Wa Asyrāt al-Sā'ah*, Bab *Iqtirāb al-Fitan*, no. hadith 5128; Al-Tirmidhī, Kitab *al-Fitan*, Bab *Fī Khurūj Ya'jūj dan Ma'jūj*, no. hadith 2113; Ibn Majah, Kitab *al-Fitan*, Bab *Mā Yakun Min al-Fitan*, no. hadith 3943; Ahmad bin Hanbal, *Min Musnad al-Qabā'il*, *Hadīth Zaynab bint Jahsy*, no. hadith 26145.

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi s.a.w. terjaga dari tidurnya, Baginda bersabda: ﴿إِنَّمَا يَعْلَمُ اللَّهُ الْعَالِيُّ﴾. Celakalah bagi bangsa Arab dari kejahatan yang telah dekat. Sesungguhnya hari ini sebahagian dari dinding Ya'jūj dan Ma'jūj terbuka seluas ini, Sufian (perawi hadith) mengisyarat angka 10 dengan menggunakan tangannya. Zaynab berkata: Wahai Rasulullah, apakah kami akan binasa sedangkan bersama-sama kami ramai orang-orang yang soleh. Baginda bersabda: Ya, apabila berlaku banyak kemaksiatan.

Antara lain lagi hadith riwayat Abū Hurayrah, Nabi bersabda:

إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ يَخْفِرُونَ كُلَّ يَوْمٍ حَتَّىٰ إِذَا كَادُوا يَرَوْنَ شَعَاعَ الشَّمْسِ قَالَ الَّذِي عَلَيْهِمْ أَرْجِعُوهَا فَسَتَحْفِرُهُ غَدًا فَيَعْلِمَ اللَّهُ أَنَّهُمْ مَا كَانُوا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُتُمْ مُدْتَهُمْ وَأَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَنَّمْ عَلَى النَّاسِ حَقْرُوا حَتَّىٰ إِذَا كَادُوا يَرَوْنَ شَعَاعَ الشَّمْسِ قَالَ الَّذِي عَلَيْهِمْ أَرْجِعُوهَا فَسَتَحْفِرُهُ غَدًا إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَىٰ وَاسْتَشْتُوا فَيَعُودُونَ إِلَيْهِ وَهُوَ كَهِيَّبُهُمْ حِينَ تَرَكُوهُ فَيَحْفِرُونَهُ وَيَخْرُجُونَ عَلَىٰ النَّاسِ فَيَتَشَفَّوْنَ الْمَاءَ وَيَتَحَصَّنُونَ النَّاسُ مِنْهُمْ فِي حُصُونِهِمْ فَإِنْ يَرْمُوْنَ يَسْهَلُهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فَتَرْجِعُ عَلَيْهَا النُّمُّ الَّذِي اجْفَظَ فَيَقُولُونَ فَهَرَّنَا أَهْلَ الْأَرْضِ وَعَلَوْنَا أَهْلَ السَّمَاءِ فَيَعْلَمُ اللَّهُ تَعَالَىٰ فِي أَفْنَاهِمْ فَيَقْتَلُهُمْ بِهَا .<sup>142</sup>

Maksudnya: Setiap hari Ya'jūj dan Ma'jūj akan sentiasa mengorek tembok yang mengurung mereka sehingga hampir kelihatan pancaran matahari. Kata ketuanya marilah kita pulang dahulu, besok kita akan kembali lagi. Lalu Allah mengembalikan semula tempat yang dikorek itu seperti asalnya bahkan lebih kuat lagi, sehingga sampai waktunya Allah hendak mengeluarkan mereka ke dunia menguji manusia, mereka akan terus mengoreknya sehingga nampak pancaran matahari. Kata ketuanya marilah kita pulang dahulu, besok kita akan kembali lagi, Insya Allah. Lalu mereka kembali ke tempat yang dikorek itu dan mendapati ia seperti yang telah mereka korek sebelum ini. Lalu mereka terus mengoreknya dan dapat keluar menemui manusia dan meminum air, sedangkan manusia ketika itu sedang berlindung di dalam kota mereka. Mereka memanah ke arah langit, lalu panah itu kembali dalam keadaan berdarah, Mereka berkata, kita telah menakluki penduduk bumi dan mengalahkan penghuni langit. Lalu Allah mengutuskan ulat memasuki telinga mereka dan membunuh mereka.

<sup>142</sup> Ibn Mājah, Kitab al-Fitan Bab Fitnah al-Dajjāl, Bab Nuzūl 'Isā 'a.s...., no. hadith. 4070; Al-Tirmidhī, Kitab Tafsīr Al-Qur'ān, Bab Wa Min Sūrah al-Qadr, no. hadith 3078; Ahmad bin Hanbal, Bāqī Musnad al-Mukthirīn, Bāqī al-Musnad al-Sābiq, no. hadith 10222.

Penulis mendapati perawi yang menukil riwayat dan maklumat di dalam manuskrip hadith Melayu hampir menyamai sebagaimana yang terdapat di dalam sumber dari Asia Barat<sup>i</sup>. Contohnya riwayat tentang Ya'jūj dan Ma'jūj ialah daripada riwayat Ka'ab al-Aḥbār, Wahab bin Munabbih, Qatādah, Mujāhid, al-Suddī dan lainnya dengan membawa berbagai fakta. Antaranya tiga jenis Ya'jūj dan Ma'jūj, keturunan, percampuran bahan untuk membina tembok dan mereka ada dua jenis yang amat tinggi, tinggi dari segalanya dan yang paling pendek, lebih pendek dari segalanya<sup>143</sup>.

Penulis mendapati Nuruddin al-Raniri sendiri walaupun menukilkan riwayat Israiliyat di dalam karyanya, namun beliau menyedarinya dan telah menolak riwayat tentang Ya'jūj dan Ma'jūj yang tiada asal atau *sahīh* menerangkan tentangnya<sup>144</sup>.

... op. cit.

Ibn Kathīr juga ada membuat analisis riwayat mengenai Ya'jūj dan Ma'jūj. Beliau mengatakan riwayat tentang Ya'jūj dan Ma'jūj yang dinukilkan oleh al-Tirmidī melalui *sanad* Abū Rafī' daripada Abū 'Awānah daripada Qatādah adalah *gharīb*, *sanadnya* baik tapi *matannya munkar*. Hujahnya kerana zahir ayat menunjukkan mereka tidak akan mampu mengorek tembok itu kerana ia amat kukuh dan tidak mungkin boleh dirobohkan dan keluar menemui manusia-

<sup>143</sup> Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 2: 150-153; Al-Zamakhsyārī (1972), *op.cit.*, 2:498 - 499.

<sup>144</sup> *Akhbār al-'Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471.

Fakta di dalam hadith ini boleh dipertikaikan lagi, kemungkinan Abū Hurayrah menukilkan riwayat ini daripada Ka'ab al-Aḥbār, lalu beliau menceritakannya dan sebahagian perawi lain menyangka beliau mengambilnya daripada Rasulullah s. 'a.w. lalu mengatakan hadith itu *marfu'*, *wallāhu a'lam*<sup>145</sup>. Kemungkinan juga ia adalah perbuatan penganut Yahudi yang cuba mengubah fakta dalam agama Islam serta mengelirukan umat Islam<sup>146</sup>.

Ibn Kathīr juga menambah riwayat yang mengatakan ia berbagai-bagai bentuk sebagaimana yang disebut, tiada dalil yang kukuh untuk mensabitkannya. Ia hanyalah rekaan dan tekaan semata-mata. Apa yang sebenarnya ialah mereka adalah dari keturunan Nabi 'Ādām 'a.s. mempunyai rupa dan bentuk serta sifat fizikal sama seperti Nabi 'Ādām 'a.s. Bezanya jumlah mereka amat ramai berbanding jumlah manusia ketika itu. Mereka semua melakukan kerosakan yang teruk di muka bumi. Nabi bersabda maksudnya : *Allah menjadikan 'Ādām, tingginya 60 hasta kemudian ketinggian manusia semakin kurang hingga dalam bentuk sekarang*<sup>147</sup>.

Tidak ketinggalan al-Suyūṭī juga membuat kenyataan bahawa riwayat tentang jenis Ya'jūj dan Ma'jūj adalah *munkar* dan *mawdū'* menurut Ibn 'Adī. Beliau menjelasnya ia diriwayatkan oleh Ibn Abū Ḥātim dan Ibn Mardawayh. Beliau menyatakan Muḥammad bin Ishāq dalam rangkaian rawi itu ialah al-

<sup>145</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 3: 142 dan 143; Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2: 113; Ibn Kathīr (1998), *al-Nihāyah fi al-Fitan wa al-Malāḥim*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1: 152-156; Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 5 : 333.

<sup>146</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 247.

<sup>147</sup> Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 2:111; Al-Khālidī (1996), *op.cit.*, 2 : 296.

‘Ukāsyī yang pendusta dan *mawdū*<sup>148</sup>. Ibn ‘Adī mengatakan terdapat kalangan perawinya bernama Muhammad bin Ishāq al-‘Ukāsyī, seorang yang pendusta, mencipta hadith *mawdū*, *matrūk* serta *munkar*.

4

Ibn Ḥibbān juga mengatakan beliau banyak meriwayatkan hadith *maqlūb* yang disandarkan kepada perawi *thiqah*. Hadithnya tidak boleh ditulis kecuali untuk peringatan dan pengajaran. Ibn Abū Ḥātim juga menukilkan dalam tafsirnya. Ibn ‘Arāq mengatakan beliau mendapati al-Syaykh Taqī al-Dīn al-Qalqasyandi menyebut di *ḥāsyiah al-Mawdū’āt* Ibn al-Jawzī, bahawa Ibn al-‘Ukāsyī banyak meriwayatkan hadith secara *munfarid* melainkan hadith daripada Huzayfah.

Abū Syahbah<sup>149</sup> menyenaraikan beberapa kitab yang membawa riwayat tentang 3 jenis Ya’jūj dan Ma’jūj salah satunya seperti pokok *arz*<sup>150</sup>. Menurutnya riwayat ini adalah berasal daripada riwayat Kaṭab al-Aḥbār. Antara kitab tersebut ialah *al-Durr al-Manthūr*<sup>151</sup>, *Tafsīr al-Tabarī*<sup>152</sup> dan *al-Jāmi’*<sup>153</sup>. Ibn al-Jawzī ada menyebut bahawa Ibn ‘Adī dan al-Dār Qutnī mengatakan hadith ini adalah hadith *munkar mawdū*<sup>154</sup>. Beliau mengatakan riwayat yang mengatakan secara terperinci tentang jenis, sifat fizikal serta kelakuan dan pekerjaan Ya’jūj dan Ma’jūj adalah riwayat Israiliyyat yang dibawa oleh Ahli Kitab Yahudi.

<sup>148</sup> Ibn ‘Adī (1988), *op.cit.*, 6: 169; Ibn ‘Arāq al-Kanānī (1981), *op.cit.*, 1 : 237; Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, *al-Lālī*, 1 : 173 dan 174.

<sup>149</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 247; Al-Khālidī (1996), *op.cit.*, 2 : 296.

<sup>150</sup> Menurut riwayat, ia sejenis pokok di negeri Syam tingginya mencapai 120 hasta iaitu pokok sonuber.

<sup>151</sup> Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, 5: 250 dan 251.

<sup>152</sup> Ibn Jarir (1997), *op.cit.*, 8:183 dan 184.. Beliau menyebut bahawa kisah tentang Ya’jūj dan Ma’jūj yang dibawanya itu adalah daripada riwayat Wahab Ibn Munabbih.

<sup>153</sup> Al-Qurtubī (1995), *op.cit.*, 11:57.

<sup>154</sup> Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit.*, 1:147; Al-Suyūtī (t.t.), *op.cit.*, *al-Lālī*, 1:173 dan 174.

Kesimpulannya, kisah mengenai Ya'jūj dan Ma'jūj adalah berdalilkan sumber yang *qat'i* daripada Al-Qur'an. Ia adalah sesuatu yang sabit. Namun apa yang dimusyikikan ialah tambahan serta rekaan cerita yang tidak berdasarkan dalil *naqal* dan akal. Ulama yang membuat kajian mendapati riwayat-riwayatnya boleh dipertikaikan kesahihannya. Ia wajar diberi perhatian kerana berkemungkinan adalah ciptaan dan rekaan penganut Yahudi yang cuba mengubah kandungan sebenar Al-Qur'an dan masyarakat berpaling kepada riwayat mereka yang lebih menarik dan menarik perhatian.

Dalam keadaan ini, untuk meyakinkan umat Islam, mereka menyandarkan kisah tersebut kepada perawi *thiqah* malah kepada Rasulullah s.'a.w. sendiri. Lantaran itu, umat Islam wajar berhati-hati menerima riwayat yang agak keterlaluan dan pelik *matannya*. Jika kita tinjau kepada *matan* hadith tersebut dibandingkan dengan *matan-matannya* yang lain, adalah mustahil Rasulullah s.'a.w. menyampaikan hadith sedemikian. Ini adalah pendustaan dan pengkhianatan terhadap hadith Rasulullah s.'a.w.. Kajian ini mengambil pendirian menolak riwayat *Israiliyyat* yang bertentangan dengan *nas* dan tiada *dalil* kukuh yang menyokong. Riwayat *Israiliyyat* yang tidak diterima akal dan bersalah dengan metod riwayat adalah *mardūd*.

## ii. Kehancuran Gunung, Jangka Masa Tiupan Israfil Dan *Şur*

Manuskrip Melayu ada menukarkan riwayat daripada Ibn 'Abbās r.'a. bahawa isi langit dan bumi akan menangis kerana akan dibinasakan selama 40 tahun. Tiada sesuatu makhluk yang ada pada waktu itu melainkan Allah s.w.t..

Allah menyeru memanggil raja hari itu, namun Allah sendiri yang menjawabnya dengan firman-Nya, bermaksud: *Maha Mulia Akulah Tuhan yang Esa yang terlebih Qahar*. Lalu Allah Taala menurunkan angin memusnahkan bumi dan segala bukit dan sungai dengan menjadikannya rata<sup>155</sup>. Riwayat ini mentafsirkan firman Allah: (وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْجَبَلِ.....عَوْجًا وَلَا أَمْتًا).

Wahab bin Munabbih ada meriwayatkan bahawa Allah telah menjadikan *ṣūr* itu daripada *lu'lu'*, cerminya seperti kaca<sup>156</sup>. Menurut riwayat lain pula *ṣūr* itu ialah seperti tanduk, berbentuk serunai, luas lubangnya seperti luas 7 petala langit dan bumi. Dikatakan lagi jarak masa antara dua tiupan itu selama 40 tahun. Diturunkan hujan seperti mani lelaki dari bawah Arasy dan sebagainya<sup>157</sup>.

Manakala riwayat lain pula daripada Wahab bin Munabbih mengatakan bahawa Allah Taala mewahyukan kepada *ṣakhrah* di Baitul Maqdis untuk menghantarkan ‘Arasy-Nya. Allah juga memberikan tugas kepada *ṣakhrah* itu bahawa ia sebagai mahsyar semua makhluk. Ia juga tempat syurga dan neraka diletakkan. Allah juga memberitahu bahawa ia akan memancarkan segala sungai di Baitul Maqdis itu sungai daripada susu, madu dan arak dan tempat paling baik untuk diziarahi. Menurut riwayat lain, Allah Taala akan membalikkan *ṣakhrah* Baitul Maqdis kepada *marjān* putih yang mempunyai ketebalan 7 petala langit dan bumi kemudian diletakkan atas *ṣakhrah* itu ‘Arasy dan *mizān*-Nya.<sup>158</sup>

<sup>155</sup> Abdullah bin Abdul Mubin, *Tanbih al-Għafilin*, MSS 2537.

<sup>156</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani, *Kasyf al-Għummah*, MS 2223.

<sup>157</sup> *Akhbār al-Ākhirah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471; *Al-Durr al-Thamīn fī Bayān 'Aqā'id al-Mu'minīn*, MSS 2433.

<sup>158</sup> *Al-Kawkab al-Durriy Fī al-Nūr al-Muhammadī*, MSS 1743 (A).

Mengenai kehancuran bumi dan isinya termasuk gunung ganang telah dijelaskan oleh Allah di dalam Al-Qur'an secara jelas dan terperinci. Antaranya firman Allah:

وَتَنْهَوْكَ عَنِ الْجِبَالِ فَقُلْ بِنِسْفِهَا نَفْ نَشَأَ ﴿٢٦﴾ فَيَذْرُفَا قَاعًا حَصْفَصَانًا ﴿٢٧﴾ لَا تَرَى

فِيهَا عِزْجًا وَلَا أَمْكًا ﴿٢٨﴾

Surah Tâha (20):105-107

Terjemahan : *Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muḥammad) darihal gunung ganang; Maka jawablah: "Tuhanku akan hancurkannya menjadi debu ditiup angin. Lalu Ia membiarkan tapaknya di bumi, rata lagi licin. Engkau tidak akan melihat pada tapaknya itu tempat yang rendah atau yang tinggi. "*

Menurut riwayat Ibn 'Abbâs, 'Ikrimah, Mujâhid, al-Hasan al-Bâṣrî, al-Dâhhâk, Qatâdah dan sebahagian *Salaf*, gunung menjadi sama rata, tiada tumbuhan, tiada lembah atau kawasan rendah atau tinggi<sup>159</sup>. Ibn Jarîr ada membawa riwayat menunjukkan Ka'ab telah berdusta yang mengatakan *al-ṣakhrah* ialah tempat Allah akan datang pada hari Kiamat<sup>160</sup>.

Manakala *ṣūr* itu sebagaimana hadith riwayat Abû Hurayrah, Rasulullah s. 'a.w. ditanya mengenainya. Jawab Baginda ia seperti tanduk yang besar, lebarnya seluas langit dan bumi dan ditiup padanya<sup>161</sup>. Ibn Jarîr membawa riwayat daripada Ibn 'Abbâs mengatakan *ṣūr* itu adalah seperti tanduk yang ditiup padanya<sup>162</sup>.

<sup>159</sup> Ibn Kathîr (1998), *op.cit.*, 3 : 223; Ibn Jarîr (1997), *op.cit.*, 8 : 457 dan 459.

<sup>160</sup> Ibn Jarîr (1997), *op.cit.*, 8 : 457.

<sup>161</sup> Ibn Kathîr (1998), *op.cit.*, 2 : 197.

<sup>162</sup> Ibn Jarîr (1997), *op.cit.*, 5 : 237 dan 238; Al-Thâ'âlibî, *op.cit.*, 2 : 484. Beliau mengatakan pendapat ini adalah sepakat jumhur.

Ibn Kathir mengatakan *sūr* itu ialah tanduk yang ditiup oleh Israfil untuk menandakan kiamat sudah sampai. Tempoh antara dua tiupan *sūr* ialah selama 40 hari<sup>163</sup>.

4

Kesimpulannya, ulama sepakat mengatakan semua isi bumi akan menjadi hancur dan rata apabila berlaku kiamat. Manakala tempoh sebenar antara dua tiupan tidak diketahui tempohnya, sebagaimana firman Allah:

خَنْ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ

Surah Tāhā (20) : 104

Terjemahan: (*Allah berfirman*) Kami lebih mengetahui akan kadar masa yang mereka katakan itu.

Allah menegaskan lagi bahawa manusia tidak tahu secara detail semua hal berkaitan dunia dan akhirat, firman-Nya:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفُهُمْ وَلَا يُنْجِطُونَ بِهِ عِلْمًا

Surah Tāhā (20):110

Terjemahan: *Allah mengetahui apa yang di hadapan mereka (dari soal dunia), dan apa yang di belakang mereka (dari perkara akhirat), sedang mereka tidak mengetahuinya secara meliputi.*

Kajian ini berpendapat berdasarkan perawinya menunjukkan ia adalah bersumberkan maklumat Israiliyat. Tidak ada dalil *sahīh* yang menyebut sifat sebenar *sūr* itu kecuali mengatakan ia seperti tanduk dan bersaiz besar, tidak dinyatakan buatannya. Riwayat yang mengatakan secara tepat 40 tahun, buatan

<sup>163</sup> Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 2 : 197; Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, *al-Nihayah*, 1: 219.

*sūr* itu juga tambahan fakta selain yang dinyatakan oleh dalil *sahīh* wajar diteliti kedudukannya. Ia berkemungkinan adalah riwayat yang dibawa oleh Ahli Kitab ke dalam sumber Islam. Justeru, kedudukan riwayat Israiliyyat ini adalah *maskūt*.  
*Wallāhu A'lam.*

### iii. *Dābbah*

Manuskrip juga tidak ketinggalan menceritakan mengenai *dābbah* yang menggambarkan rupa *dābbah* kepalanya seperti kepala lembu, matanya seperti mata khinzir, telinganya seperti telinga gajah, tanduknya seperti tanduk rusa, tengkuknya seperti tengkuk burung unta, dadanya seperti dada singa, warnanya seperti warna harimau betina, rusuknya seperti rusuk kucing, ekornya seperti ekor kibas, kakinya seperti kaki keldai dan di antara dua sendinya sepanjang 12 hasta dan sebagainya<sup>164</sup>.

Antara lain lagi, terdapat riwayat yang menyebut Nabi Khidir memberitahu bulunya seperti bulu biri-biri. Ia dapat mengenali orang-orang yang beriman melalui cop cincin Nabi Sulaymān dengan wajah mereka berseri-seri, manakala orang kafir dipalu dengan tongkat Nabi Mūsā dan wajah mereka menjadi hitam<sup>165</sup>.

Kajian ini mendapati terdapat persamaan fakta dengan sumber Islam lain melalui riwayat yang dinukilkhan oleh Ibn Abū Ḥātim, Ibn Mardawayh daripada

<sup>164</sup> *Akhbār al-'Ākhirah Fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471; *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528.

<sup>165</sup> *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, MS 288; *Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528.

Abū al-Zubayr yang mana juga menyifatkan *dābbah* itu kepalanya seperti kepala lembu jantan, matanya seperti mata khinzir, telinganya seperti telinga gajah, tanduknya seperti tanduk rusa, tengukunya seperti tenguk burung unta, dadanya seperti dada singa, warnanya seperti warna harimau betina, rusuknya seperti rusuk kucing, ekornya seperti ekor kibas, kakinya seperti kaki keldai dan di antara dua sendinya sepanjang 12 hasta. Menurut riwayat daripada Wahab bin Munabbih *dābbah* ialah tanda yang ke 6 dari tanda-tanda Kiamat<sup>166</sup>.

Al-Qur'an telah membayangkan apabila kiamat hampir berlaku, berbagai-bagai peristiwa yang mengerikan akan berlaku, salah satu antaranya ialah keluarnya sejenis binatang disebut sebagai *dābbah* dari bumi. Untuk menjelaskan bagaimanakah rupa *dābbah* yang dimaksudkan sebagaimana kandungan ayat 82 surah *al-Naml* (27) berbagai riwayat menceritakan mengenainya. Antara perkara yang menjadi pilihan perawi ialah mengenai sifat-sifatnya<sup>167</sup>.

Al-Albāñi mengatakan riwayat berkaitan di atas adalah *munkar*. Beliau meletakkannya dalam kategori hadith *Da'if*. Hujah beliau ialah kerana dalam rangkaian *sanadnya* terdapat dua orang perawi yang tidak menepati syarat. Mereka ialah Aws bin Khālid dan 'Alī bin Zayd. Riwayat Aws daripada Abū Hurayrah adalah *munkar*. Manakala 'Alī pula seorang yang *da'if*. Al-Hākim dan

<sup>166</sup> Al-Suyūñi (t.t.), *op.cit.*, 5:117.

<sup>167</sup> Ibn Kathir menukilkan beberapa riwayat dengan mengatakan jenis riwayat tersebut sama ada *marfū'*, *mawqūf* atau tidak *sahīh sanadnya* mengenai *dābbah* ini di dalam tafsirnya. Ibn Kathir (1998), *op.cit.*, 3 : 498-500.

al-Dhahabī pula mengatakan riwayat mereka adalah *maskūt*. Abū Mūsā mengatakan hadith ini adalah *Hasan Gharīb*<sup>168</sup>.

Ibn Kathīr menukilkan beberapa riwayat dengan mengatakan jenis riwayat tersebut samada *marfū'*, *mawqūf* atau tidak *ṣaḥīḥ sanadnya* mengenai *dābbah* ini di dalam tafsirnya<sup>169</sup>.

#### iv. ‘Arasy

Manuskrip Melayu juga cuba memberikan kefahaman kepada masyarakat agar beriman dengan kewujudan ‘Arasy. Persoalan ‘Arasy merupakan antara perkara *ghaybiyyāt* yang wajib diimani. Antara perkara yang disentuh selain yang telah disebut di atas, ialah riwayat Ka‘ab al-Aḥbār mengenai ‘Arasy bahawa padanya ada pokok *Syajarah al-Muntahā* yang berkait dengan hidup mati seseorang di dunia<sup>170</sup>.

— o —

Manuskrip juga membawa riwayat Wahab bin Munabbih yang mengatakan ‘Arasy daripada *nūr*-Nya dengan dikelilingi oleh 4 buah sungai iaitu sungai daripada *nūr*, api, embun dan air tawar<sup>171</sup>.

Menurut riwayat Abū al-Layth pula: ‘Apabila hampirlah akan mati seorang hamba Allah maka gugur di bawah ‘Arasy-Nya salah satu daripada dua titik nama orang hendak mati itu jika titik itu hijau tanda orang itu celaka dan jika titik itu

<sup>168</sup> Khālid Ibn Nāṣir Ibn Sa‘id al-Ghāmidī (1999), *Asyrāt al-Sā’ah*. Jeddah: Dār al-Andalus al-Khaḍrā’, 2 : 638.

<sup>169</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 3 : 498-500.

<sup>170</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah fi Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>171</sup> *Al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīnīn*, MSS 2433.

putih tanda orang itu bahagia adapun tempat kematianya seorang itu telah tertentulah tempatnya. Ia berpandukan firman Allah surah 'Al 'Imrān 3 : 154<sup>172</sup>.

Menurut riwayat lain, Ka'ab al-Aḥbār ada menceritakan bahawa Allah menjadikan 'Arasy daripada beribu-ribu *jawhar* hijau, mempunyai 600,000 kepala dan pada setiap kepala seribu-ribu *jawhar* dan mempunyai 600,000 mukanya dan pada setiap mukanya itu beribu-ribu *jawhar* dan mempunyai 600,000 lidah dan setiap lidah mempunyai beribu-ribu *jawhar* dan 600,000 bahasa<sup>173</sup>.

'Arasy dari segi bahasa umpama katil yang digunakan oleh raja. 'Arasy menurut istilah agama ialah tempat Allah bersemayam sebagaimana ayat Al-Qur'an:

ثُمَّ أَسْتَوِي عَلَى الْعَرْشِ  
Surah *al-Ra'd* (13) : 2

Terjemahan: *Kemudian Ia bersemayam di atas 'Arasy.*

'Arasy Allah sebagaimana yang dibayangkan di dalam Al-Qur'an berada di atas air<sup>174</sup> (dengan keadaan yang selayaknya bagi Allah) yang dikelilingi oleh malaikat-malaikat yang sentiasa bertasbih dan memuji-Nya sebagaimana firman-Nya:

الَّذِينَ حَمَلُواْ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسْتَحْوِنُ بِخَمْدِ رَبِّهِ  
Surah *al-Mu'min* (40) : 7

Terjemahan: *Malaikat yang memikul 'Arasy dan yang beredar di sekelilingnya, bertasbih memuji Tuhan...*

<sup>172</sup> *Rangkaian Kisah Nabi-Nabi dan Hukum-Hukum Fiqh*, MS 480, helaian ke 36.

<sup>173</sup> Daud Abdullah al-Fatani, *Kifayah al-Muhtaj Fi Isrā' wa al-Mi'rāj*, MSS 2413, h. 11.

<sup>174</sup> Surah Hud (11) : 7.

Allah menerangkan juga bahawa ‘Arasy-Nya amat besar<sup>175</sup>, dan dipikul oleh 8 malaikat sebagaimana firman-Nya:

وَالْمَلَكُ عَنِ ازْجَاهًا وَخَمِيلٌ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْهُمْ يَوْمَئِلُونَ مُنْذَنِيَّةً ﴿٦﴾  
Surah al-Hāqqah (69) : 17

Terjemahan : Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya, dan ‘Arasy Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh delapan malaikat di atas malaikat-malaikat yang mengawal itu.

Ada berbagai riwayat yang menyatakan tentang ‘Arasy. Antaranya hadith *sahīh* mengatakan ‘Arasy itu berada di atas syurga yang paling atas<sup>176</sup>. Menurut riwayat yang dinukilkan oleh al-Tirmidhi bahawa Rasulullah s.‘a.w. ada menjelaskan ‘Arasy itu berada di atas langit yang ke tujuh. Riwayat lain mengatakan Allah bersemayam di atas ‘Arasy dan ‘Arasy itu berada di atas daripada atas langit yang ke tujuh.

.....

Dalam konteks ini, Ibn Kathir ada membuat ulasan mengenai pendapat yang mengatakan ‘Arasy itu adalah orbit yang bulat, dinamakan sebagai planet ke sembilan dan sebagainya. Beliau mengatakan pendapat ini tidak benar. Alasannya dari sudut bahasa, ia sudah terkeluar maknanya. ‘Arasy itu ada tiang atau tongkat yang dibawa oleh malaikat. Kedudukannya di atas syurga yang paling tinggi di atas langit yang ketujuh. Beliau mengemukakan pendapat

<sup>175</sup> Surah al-Naml (27) : 23.

<sup>176</sup> Al-Bukhari, Kitab *al-Tawhid*, Bab *Wa Kāna ‘Arsyuhu...*, no. hadith 6873; Al-Tirmidhi, Kitab *Sifah al-Jannah*, Bab *Sifah Darājat al-Jannah*, no. hadith 2453; Ahmad bin Hanbal, *Bāqī Musnad al-Mukthirin*, *Bāqī al-Musnad al-Sābig*, no. hadith 8067.

golongan *Salaf* yang mengatakan ‘Arasy itu daripada permata yakut berwarna merah, jarak antara dua tepinya ialah selama 50000 tahun.

Beliau menukilkān satu riwayat yang menceritakan luas kursi itu seluas langit dan bumi. Menurutnya, riwayat ini *mawquf* dan *mursal*. Ia perlu diteliti. Beliau menambah bahawa ada riwayat yang menambah lebih detail lagi fakta yang lebih pelik tentangnya<sup>177</sup>.

Pada pandangan penulis, jumlah sedemikian tidak dinyatakan oleh Allah dalam Al-Qur'an maupun hadith Rasulullah s.a.w.. Hakikat ‘Arasy tiada siapa yang mengetahuinya kecuali Allah. Jika maklumat ini dirasakan perlu sudah tentu Allah nyatakan di dalam Al-Qur'an atau diwahyukan kepada Nabi untuk disampaikan kepada umatnya, namun, hakikat sebenar ‘Arasy tidak dijelaskan. Apa yang Allah jelaskan ialah ia mempunyai ‘Arasy, berada di atas air dan tinggi dengan keadaan yang layak bagi-Nya.

Allah hanya membayangkan tentang ‘Arasy-Nya yang maha tinggi, besar, mempunyai kerajaan yang agong dan tiada tandingan. Ibn Kathīr membawa beberapa riwayat yang mentafsirkan ayat ini iaitu Allah menjadikan ‘Arasy-Nya sebelum menjadikan langit dan bumi. Ada orang bertanya Ibn ‘Abbās, jika ‘Arasy di atas air, air berada di mana. Ibn ‘Abbās menjawab bahawa air berada di atas angin<sup>178</sup>.

<sup>177</sup> Sebagaimana dalam surah al-Mā'ārij (70) : 4. Ibn Kathīr (1992), *op.cit.*, 1 : 10.

<sup>178</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 2 : 574.

Jelas di sini adanya perincian riwayat mengenai sifat ‘Arasy yang tidak disebut di dalam nas. Namun dalam sesetengah manuskrip dimasukkan beberapa riwayat agar pembaca dapat membandingkan fakta terkandung serta kesahihan riwayat berpandukan sumber nas yang lebih kukuh dan *thiqah*. Contohnya wajib *i'tiqad* ‘Arasy Allah daripada kubah hijau dan daripada yakut merah<sup>179</sup>.

Terdapat pengarang manuskrip yang membuat rumusan bahawa wajib percaya ialah ‘Arasy itu ada dan hakikatnya hendaklah diserahkan kepada Allah tanpa membahaskannya sehingga terkeluar daripada batas keimanan. Kita wajib beriman bahawa ‘Arasy itu maha besar, tinggi, mulia serta segala yang layak bagi Allah<sup>180</sup>.

Dari keterangan ini jelas menunjukkan apa yang wajib kita yakini ialah kewujudan ‘Arasy dan sifat-sifat yang layak baginya yang tiada tandingan dengan segala makhluk di dunia.

#### v. Pokok Tūbā di Dalam Syurga

Di dalam manuskrip Melayu, disebutkan beberapa riwayat mengenainya, antaranya pohon kayu *Sidrah al-Muntahā* itu sebenarnya pohon Tūbā. Ada pula riwayat lain mengatakan Tūbā ialah tempat kediaman arwah segala orang yang mati syahid. Riwayat lain daripada hadith Rasulullah s. ‘a.w. mengatakan pohon kayu Tūbā dijadikan daripada mutiara, hujung rantingnya daripada zabarjad dan yakut pohnnya daripada zamrud dan daunnya daripada sutera dan lainnya<sup>181</sup>.

<sup>179</sup> *Al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīnīn*, MSS 2433.

<sup>180</sup> *Al-Durr al-Thamīn fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīnīn*, MSS 2433; *Ward al-Zawāhir*, MSS 2550.

<sup>181</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah Fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

Menurut riwayat Wahab bin Munabbih buahnya lebih manis daripada madu<sup>182</sup>. Tidak kurang pula menerangkan sebagaimana hadith *sahīh* iaitu perjalanan di bawah nauṅgannya selama 100 tahun tanpa putus-putus<sup>183</sup>.

Tersebut juga riwayat daripada Kaab al-Aḥbār yang mengatakan beliau meriwayatkan daripada Rasulullah s. 'a.w. tentang sifat pohon Tūbā iaitu pokok yang paling besar, umbinya daripada mutiara dan tengahnya daripada yaqut dan dahannya daripada Zabarjad dan daunnya daripada sutera dan atasnya 70000 dahan dan sebagainya<sup>184</sup>. Dinukilkhan riwayat yang disandarkan kepada al-Zuhri daripada Anas daripada Rasulullah s. 'a.w. mengatakan bahawa pokok Tūbā ditanam pada hari fitrah<sup>185</sup>. Menurut riwayat yang dinukilkhan daripada Muqatil mengatakan segala syurga itu merasai nikmat pohon kayu Tūbā<sup>186</sup>.

Al-Qur'an ada menyebut perkataan *Tūbā* di dalam ayat:

الَّذِينَ ءامُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ طُوبَى لَهُمْ وَحُسْنُ مَقَابِ  
Surah *al-Ra'd* (13) : 29

Terjemahan: *Orang-orang yang beriman dan beramal salih, beroleh kebahagiaan yang amat menggembirakan dan tempat kembali yang sebaik-baiknya.*

<sup>182</sup> *Al-Durr al-Thamīn Fī Bayān 'Aqā'id al-Mu'minīn*, MSS 2433.

<sup>183</sup> *Al-Durr al-Thamīn Fī Bayān 'Aqā'id al-Mu'minīn*, MSS 2433.

<sup>184</sup> *Kasyf al-Ghaybiyyah Fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404.

<sup>185</sup> *Rangkaian Kisah Nabi-Nabi Dan Hukum-Hukum Fiqh*, MS 480.

<sup>186</sup> *Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*, MS 1051, helaian ke 23.

Menurut riwayat Ibn ‘Abbās ketika mentafsirkan perkataan *Tūbā* ini, ia membawa maksud kegembiraan bagi ahli syurga dan menyenangkan mata memandang<sup>187</sup>. Menurut riwayat ‘Ikrimah pula ialah sebaik-baik nikmat bagi mereka<sup>188</sup>. Manakala Qatādah pula mentafsirkan apa yang paling baik bagi mereka.

Menurut riwayat al-Nakhā‘ī pula ialah baik bagi mereka dan kemuliaan<sup>189</sup>. Manakala menurut Mujāhid pula ia ialah syurga<sup>190</sup>. Ibn Kathīr<sup>191</sup> menukilkan hadith *marfū‘* daripada Wahab, daripada Abū Ḥazim, daripada Sahl bin Sa‘d, Abū Sa‘id al-Khudrī dan juga Abū Hurayrah mengatakan, Rasulullah s. ‘a.w. bersabda, maksudnya:

إِنْ فِي الْجَنَّةِ لَشَجَرَةٌ يَسِيرُ الرَّاكِبُ فِي ظِلِّهَا مِائَةً عَامٍ لَا يُقْطَعُهَا<sup>192</sup>

Maksudnya: Sesungguhnya di dalam syurga itu ada pohon yang mana jika berjalan di bawah naungannya selama 100 tahun tidak akan putus-putus.

وَظَلَ عَدُودٌ

Antara lain hadith riwayat Abū Hurayrah menerangkan<sup>193</sup>. Ibn Jarīr membawa beberapa riwayat ketika mentafsirkan ayat tersebut terutama tentang sifat pohon Tūbā di syurga, antaranya riwayat daripada Wahab bin

<sup>187</sup> Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 7 : 381.

<sup>188</sup> *Ibid.*, 7 : 380 dan 381.

<sup>189</sup> *Ibid.*, 7 : 381.

<sup>190</sup> *Ibid.*, 7 : 382.

<sup>191</sup> Ibn Kathīr (1998), *al-Nihāyah Fī’ al-Fitan wa al-Malāhim*, *op.cit.*, 2 : 260 dan 261.

<sup>192</sup> Al-Bukhārī, Kitab *Bad’ al-Khalq*, Bab *Fī Sīfah al-Jannah...*, no. hadith 3012; Muslim, Kitab *al-Jannah ...*, Bab *Inna fi al-Jannah ...*, no. hadith 5054; Ahmad bin Hanbal, *Bāqī Musnad al-Mukthirin*, *Musnad Anas ibn Mālik*, no. hadith 11627; Al-Tirmidhī, *Sīfah al-Jannah ...*, Bab *Fī Sīfah Syajarah al-Jannah*, no. hadith 2446.

<sup>193</sup> Surah *al-Wāqi’ah* (56) : 30. Al-Bukhārī, Kitab *Bad’ al-Khalq*, Bab *Fī Sīfah al-Jannah...*, no. hadith 3013; Ahmad bin Hanbal, *Bāqī Musnad al-Mukthirin*, *Bāqī al-Musnad al-Sābiq*, no. hadith 9274.

Munabbih dengan panjang lebar menceritakan sifat pohon tersebut<sup>194</sup>. Namun menurut riwayat Ibn Jarīr sendiri *Tūbā* ialah sejenis pokok di dalam syurga<sup>195</sup>.

Menurut Ibn Kathīr, riwayat ini pelik dan gharib. Riwayat yang sama diriwayatkan juga oleh Ibn Abū Ḥātim dan Ibn Jarīr daripada riwayat Wahab bin Munabbih tetapi dengan berbagai tambahan lagi<sup>196</sup>.

Kesimpulannya, melalui tafsiran dan riwayat *sahīh* yang dikemukakan menunjukkan penerangan tentang *Tūbā* dalam ayat di atas tidak lebih daripada nikmat di dalam syurga yang diperolehi oleh ahli syurga. Manakala riwayat yang menceritakan secara panjang lebar sifat dan keadaannya merupakan riwayat yang wajar diteliti kesahihannya. Ini adalah kerana perawinya adalah kalangan Ahli Kitab yang telah memeluk agama Islam, yang sering membawa riwayat dikategorikan sebagai riwayat Israiliyyat<sup>197</sup>. *Wallāhu A'lam*.

#### 4.5 Kaedah Mengenali Riwayat Israiliyyat

Dalam menganalisis riwayat Israiliyyat dari sudut *matan* di dalam manuskrip hadith Melayu, penulis memberi tumpuan kepada beberapa aspek, antaranya:

- a. Tidak menyalahi Al-Qur'an, sunnah dan *ijmā'* atau sememangnya sudah pasti dan diakui oleh agama yang tidak boleh ditakwil lagi.

<sup>194</sup> Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 7 : 383.

<sup>195</sup> *Ibid.*

<sup>196</sup> Ibn Kathīr (1998), *op.cit.*, 2: 675; Al-Baghawī (1993), *op.cit.*, 4 : 414 dan 415; Ibn Jarīr (1997), *op.cit.*, 7 : 383.

<sup>197</sup> Abū Syahbah (1988), *op.cit.*, h. 233 dan 234.

- b. *Matannya* yang keterlaluan menyifatkan sesuatu yang tidak dinyatakan di dalam nas asal menyebabkan tidak tinggi nilainya dan tidak fasih.
- c. Kandungan *matan* tidak berlawanan dengan akal yang waras, sehingga tidak sesuai ditakwil dengan apa bentuk takwilan.
- d. *Matan* tidak menunjukkan akhlak Islam yang sebenar.
- e. Tidak berbentuk penghinaan terhadap mereka yang *ma'sum*.
- f. Tidak menyalahi perkara yang diterima akal dalam akidah mengenai sifat-sifat Allah dan Rasul-Nya.
- g. Tidak menyalahi sunnah Allah di dalam alam ini juga manusia.
- h. Tidak mengandungi perkara-perkara yang hina yang dijauhi oleh ahli fikir.
- i. Tidak menyalahi kebenaran sejarah yang sudah diketahui kesahihannya mengenai zaman Rasulullah *s. 'a.w..*
- j. Tidak membicarakan perkara yang sia-sia dan mustahil.
- k. Tidak menyokong mana-mana aliran mazhab yang hanya menyokong mazhabnya sahaja.
- l. Tidak menceritakan sesuatu yang diterima kesaksiannya oleh sejumlah besar perawi kemudian ia mengasingkan seorang perawi beserta riwayatnya yang termasuk dalam kalangan perawi yang ramai.
- m. Tiada faktor dalaman yang berbentuk peribadi yang menyebabkan ia mengagungkan seseorang perawi yang disukainya dan tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan yang tidak sepatutnya.

Kaedah-kaedah di atas diambil kira untuk mengenali riwayat Israiliyyat di dalam manuskrip. Manakala dari aspek *sanad* pula, penulis menumpukan kepada riwayat yang dinukilkhan oleh mereka yang terkenal dengan riwayat Israiliyyat

atau yang disandarkan kepada mereka secara benar atau dusta sebagaimana tersenarai di dalam Bab 2. Nama-nama mereka yang terlibat termasuk jalan *sanadnya* menjadi panduan kepada penulis mengenali riwayat Isriliyyat di dalam manuskrip hadith Melayu.

Rumusannya, kebanyakan pengarang manuskrip hadith Melayu tidak menyatakan secara jelas kritikan mereka terhadap riwayat yang mereka nukil di dalam karya mereka. Kedapatan sebahagian riwayat adalah *mawqūf* atau *maqūf* tanpa rangkaian *sanad* yang lengkap. Ini menyukarkan penulis meninjau kedudukan sanadnya melainkan terdapat sebahagiannya yang sudah dianalisis oleh ahli hadith.

Penulis mendapati ada beberapa faktor kedudukan riwayat tidak diberi penekanan dalam menukilkannya ke dalam manuskrip, antaranya:

- a. tumpuan utama adalah maklumat yang hendak disampaikan. Alasannya masyarakat Melayu waktu itu adalah kalangan yang baru mengenali Islam yang memerlukan galakan dan dorongan untuk melakukan ibadat.
- b. kebanyakan karangan adalah terikat dengan sumber asal baik dalam bentuk terjemahan, suntingan, petikan serta ulasan. Ada antara sumber asal yang hanya menyebut perawi yang pertama sahaja, malah tidak kurang juga yang tidak mempunyai rangkaian *sanad*. Atas dasar amanah ilmu yang diambil atau rujuk, melihat kepada autoriti pengarangnya, mereka menaruh sepenuh kepercayaan kepada sumber tersebut tanpa mempersoalkan kedudukan sesuatu *riwayat*.

- c. tambahan lagi jiwa kebanyakan masyarakat Melayu inginkan bahan bacaan yang lebih bersifat ringan, hiburan serta bentuk penceritaan, pengarang merasakan wajar dibawa sumber-sumber bahan bacaan yang seumpamanya.
- d. fenomena akidah, adat, budaya dan pemikiran di kalangan masyarakat Melayu menyebabkan pengarang membawa kaedah terbaik dengan membawa hujah-hujah, ancaman, galakan (walaupun kadang-kadang kedapatan hadith *da'if* atau Israiliyyat) agar masyarakat meninggalkan amalan khurafat dan syirik.
- e. terdapat kalangan pengarang yang merasa kurang selesa dengan riwayat yang dibawa atau kandungan kitab asal rujukannya, mereka menyatakan di dalam *mugaddimahnya*, namun tidak dibuat *taṣḥīḥ* sekadar menyatakan dan mengharapkan generasi kemudian melakukannya.
- f. ada yang menyatakan secara terus terang bahawa karangannya berpandukan kitab asal yang tiada membuat sebarang pindaan.
- g. pandangan segelintir pengarang bahawa ~~untuk~~ beramat dan perkara *faḍā'il* tidak menjadi kesalahan menggunakan hadith *da'if*, kata-kata Sahabat atau ulama, dengan syarat ia tidak bercanggah dengan dasar agama dan tidak berkaitan dengan akidah.

Menurut penelitian penulis, walaupun kedapatan dalam manuskrip Melayu cerita dan riwayat Israiliyyat, cerita-cerita ini dibawa untuk sekadar menambahkan maklumat dalam cerita-cerita para nabi untuk menarik minat pembaca agar lebih memahami secara mendalam cerita-cerita tentang nabi-nabi mereka.

Pada pendapat pengarangnya, ia tidak menjelaskan akidah umat Islam jika ditangani dengan kaedah yang benar dan jujur. Mereka tidak bertujuan mencemarkan Islam dengan cerita-cerita Israiliyyat tetapi sebagaimana dijelaskan di awal kajian ia sekadar cerita tambahan kepada kandungan nas. Ini jelas dapat dilihat akan penceritaan mereka yang membawa beberapa riwayat dan terpulanglah kepada pembaca menapisnya sebagaimana juga kaedah yang dalam *Tafsir al-Tabari* juga Ibn Kathir serta sumber sejarah yang lain.

Kajian ini mendapati riwayat-riwayat Israiliyyat yang terdapat di dalam manuskrip bercampur antara yang selari, ditolak juga yang didiamkan. Kebanyakannya adalah riwayat yang didiamkan, malah sedikit sahaja yang ditolak. Lantaran itu cerita-cerita dianggap sebagai tambahan maklumat untuk menyampaikan dakwah secara lebih berkesan kepada masyarakat di samping penyampaiannya hendaklah dengan kaedah yang benar dan berguru dengan melalui peringkat pembelajaran dari satu tahap ke satu tahap.

Melalui pengamatan penulis, kemasukan riwayat Israiliyyat ini adalah berpunca daripada sumber asal pegangan pengarang. Kedapatan manuskrip dinyatakan sumber malah ada yang tidak dinyatakan secara jelas sumber rujukannya. Ada antara manuskrip merupakan terjemahan dari buku asal berbahasa Arab dan ada juga pentafsiran dan penambahan fakta kepada kitab asal. Memandangkan sumber rujukan asal yang mengandungi cerita Israiliyyat, tambahan ia adalah karangan ulama muktabar, pengarang tanpa mempersoalkan

terus menukilkan sumber tersebut sebagai amanah ilmu yang boleh disebarkan kepada masyarakat Melayu.

Penulis juga berpendapat pengarang tidak menganggap cerita Israiliyyat ini sebagai sesuatu yang boleh memudaratkan atau meninggalkan kesan negatif dalam jiwa dan pemikiran masyarakat. Faktor inginkan maklumat dan penjelasan detail terhadap sesuatu data dalam Al-Qur'an dan hadith serta sejarah, mereka tidak memikirkan apakah ia Israiliyyat atau tidak, tetapi lebih menekankan kepada maklumat yang hendak disampaikan kepada masyarakat.

Di samping menterjemah, mereka juga mengarang karya-karya berkaitan akidah bersumberkan nas yang *qat'i*. Lantaran itu, adalah tidak wajar kita menyalahkan mereka yang membawa riwayat Israiliyyat dengan tujuan merosakkan umat Islam dan masyarakat Melayu khasnya. Mereka mempunyai niat yang baik dan suci menyampaikan agama kepada masyarakat Melayu. Hal ini wajar diberi perhatian. Terjemahan dari kitab asal tidak wajar diubah, kerana ia adalah amanah ilmu pengarang asal.

Namun bagi masyarakat yang tidak memahami disiplin ilmu Islam, sudah tentunya menerima dan meletakkan riwayat sebegini sebagai setara dengan kedudukan nas Al-Qur'an serta hadith. Justeru, adalah kewajipan mereka yang mengetahui, menerangkan kepada masyarakat perbezaan martabat riwayat agar masyarakat tidak keliru atau terus berpaut di dahan yang rapuh. Seboleh-boleh ia wajar dijauhi dari membicarakan riwayat-riwayat Israiliyyat yang boleh menggugat akidah atau pegangan umat Islam.

## **PENUTUP**